



● BIL 274 ● 9 - 15 OGOS 2024 ● PP1944/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

hku.com.my



HORMATI PRINSIP KAMI

➤➤ 2-3

**Azman yakin martabat
negara mampu diangkat**
➤➤ 8

**Asap vape
masuk sekolah?**
➤➤ 9 - 11

**Kenali peribadi
raja kita**
➤➤ 14

Didik rakyat guna media sosial

TINGKATKAN CELIK DIGITAL

SYED HAZIQUE

PEMBANGUNAN platform media sosial ciptaan Malaysia memerlukan objektif jangka panjang jelas dengan pelaburan infrastruktur teknologi, pakar dan keselamatan digital serta siber.

Pensyarah Jabatan Komunikasi Universiti Islam Antrabangsa Malaysia (UIAM), **Profesor Madya Dr Shafizan Mohamed** berkata

semua faktor tersebut perlu diambil kira jika mahu membangunkan media sosial ciptaan Malaysia yang unik dan sesuai dengan tempatan.

Menurut Shafizan, ianya agar menjadi sebuah platform alternatif bukan pengganti kepada platform media sosial sedia ada masa kini yang mampu menarik orang ramai untuk menggunakannya.

“Jika dapat dilaksanakan, platform terbabit bukan sahaja boleh berjaya di peringkat tempatan malah ia juga mampu bersaing di peringkat antarabangsa sekali gus meningkatkan taraf teknologi di negara.

“Walau bagaimanapun, pelaburan yang sangat besar serta kepakaran digital yang berterusan, perlukan alatan canggih serta kestabilan kewangan untuk negara terus bersaing dalam dunia teknologi ini,” katanya kepada Wilayahku.

Baru-baru ini media melaporkan, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata kerajaan akan meneliti cadangan untuk mewujudkan aplikasi media sosial yang khusus untuk kegunaan rakyat Malaysia

seperti yang sedang diusahakan oleh beberapa negara.

Fahmi berkata ini kerana ada antara penyedia aplikasi media sosial didapati mengaut keuntungan daripada rakyat di negara ini, namun pada masa sama gagal menjamin soal keselamatan penggunaannya.

Jelas Shafizan, media sosial adalah bidang yang sangat kompetitif, platform sedia ada seperti Facebook, X dan Instagram sudah mendominasi pasaran di peringkat global.

“Disebabkan itu, ia memberi cabaran yang tinggi kepada pemain baharu atau pemain-pemain industri tempatan untuk bersaing atau menembusi pasaran sedia ada,” jelasnya.

Bagaimanapun Shafizan berkata banyak manfaat yang boleh diperoleh negara jika mampu menghasilkan platform media sosial sendiri.

“Antaranya platform tersebut akan mengikut perundangan negara, data privasi pengguna lebih terjamin, promosi kebudayaan negara yang sesuai dengan masyarakat kita, boleh mengawal penggunaan data atau maklumat yang disampaikan dan pelbagai lagi.

“Jika dilihat, platform media sosial yang sedia ada tidak terikat sepenuhnya dengan undang-undang negara kita, disebabkan itu, kalau kita mampu bina media sosial sendiri mampu untuk membawa manfaat daripada segi ekonomi,



TEKNOLOGI bergerak pantas dan pemantauan berterusan adalah satu keperluan.

masyarakat serta kemajuan teknologi negara,” ujarnya.

Namun Shafizan turut menjelaskan adalah lebih baik jika kerajaan fokus untuk meningkatkan tahap literasi digital masyarakat berbanding membangunkan platform media sosial tempatan.

“Saya rasa kita kena menerima inisiatif cadangan kerajaan untuk membangunkan media sosial sendiri sebagai satu yang baik kerana kita nak cuba mewujudkan satu persekitaran digital hebat yang dapat menjamin data peribadi pengguna dan sebagainya.

“Namun saya rasa adalah lebih baik jika kerajaan fokus

meningkatkan literasi digital dalam kalangan masyarakat.

“Didik rakyat supaya dapat menggunakan media sosial lebih selamat, meningkatkan infrastruktur dan sekuriti siber, undang-undang siber diperketatkan lagi, demi kebaikan ekosistem digital yang lebih selamat,” katanya.

Mengulas lanjut, Shafizan berkata teknologi bergerak pantas dan pemantauan berterusan mengenainya terutamanya soal jenayah siber adalah satu keperluan kepada masyarakat.

“Haruslah kita tekankan kepentingan, bila cakap pasal teknologi ini, perlu ada persekitaran

yang mampan, berdaya tahan serta satu strategi jangka masa panjang.

“Kita kena pastikan masyarakat Malaysia bersedia hadapi masa depan digital dengan yakin dan selamat sebab hakikatnya sampai bila-bila pun penggunaan teknologi akan ada risikonya,” katanya.

Terdahulu, Fahmi Fadzil turut menyatakan buat masa ini kerajaan tidak melihat cadangan untuk mewujudkan aplikasi media sosial yang khusus untuk kegunaan rakyat Malaysia sebagai keutamaan.

Beliau berkata ini berikutan untuk membina satu platform media sosial sendiri menelan kos yang sangat tinggi. 📱

Malaysia mampu wujudkan aplikasi

KERAJAAN dipercayai mampu membangunkan aplikasi media sosial khusus kepada rakyat Malaysia jika mempunyai keupayaan infrastruktur, kepakaran dan sumber kewangan, kata Pakar Teknologi, **Dr Ir Muhidin Arifin**.

Beliau berkata infrastruktur seperti Internet yang mantap sangat penting untuk memastikan pengguna menggunakan platform media sosial dengan lancar.

“Akses Internet berkelajuan tinggi, pelayan boleh dipercayai (*reliable servers*) dan pusat data (*data centres*) adalah penting.

“Di samping perlu sekurang-kurangnya 70 tenaga kerja mahir dalam teknik dan profesional diperlukan untuk membangunkan platform media sosial sendiri,” kata

beliau.

Pada Ahad lalu, Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata kerajaan memaklumkan akan meneliti cadangan mewujudkan aplikasi media sosial khusus untuk kegunaan rakyat Malaysia seperti yang sedang diusahakan oleh beberapa negara.

Bagaimanapun, Selasa lalu, Fahmi berkata pihaknya akui kos membina platform media sosial sangat tinggi dan keutamaan kerajaan adalah menyelesaikan isu-isu lain yang lebih utama seperti sekolah daif.

Dalam pada itu, Muhidin yang juga Ketua Pegawai Operasi Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) bersetuju bahawa untuk membangunkan platform media sosial sendiri memerlukan



MUHIDIN



SHAFIZA



FAHMI ketika sidang media baru-baru ini.

sumber kewangan yang besar.

Beliau berkata ini berikutan membabitkan kos membangun dan menyelenggara untuk mengekalkan platform media sosial.

“Faktor lain yang mempengaruhi kos adalah kerumitan platform

dan memerlukan kemas kini serta sokongan pelanggan,” katanya.

Sementara itu, Pakar Teknologi, **Dr Shafiza Mohd Shariff** berpandangan tiada masalah untuk mana-mana syarikat berkemampuan untuk membuat platform media sosial

sendiri.

Beliau berkata bagaimanapun kebimbangannya adalah mengenai proses pemantauan aktiviti yang selari dengan akta-akta keselamatan dan kesulitan data negara.

Katanya, begitu juga dengan kemampuan platform itu untuk memastikan data rakyat selamat daripada disalahgunakan oleh *unauthorised user* sama ada penggodam atau pun daripada pihak kerajaan.

“Persediaan ini sangat penting oleh bakal penyedia servis platform media sosial dari Malaysia.

“Tanggungjawab besar yang perlu dipikul dari segi kemampuan infra untuk memastikan servis yang cepat dan tepat kepada semua pengguna.

“Keselamatan, perlindungan peribadi data pengguna dan kemampuan melaksanakan keperluan akta Malaysia serta memastikan ketelusan dalam proses perkhidmatan yang disediakan,” katanya. 📱

Penyedia platform perlu fahami hak asasi manusia

PERINGATAN TEGAS MALAYSIA

SYED HAZIQUE

KERAJAAN Malaysia perlu tegas dan memberi kata dua kepada penyedia platform media sosial agar menghormati prinsip kerajaan Malaysia di dalam menyuarakan isu Palestin.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfik Yaakub** berkata ia susulan platform media sosial sering kali menurunkan hantaran-hantaran kandungan terhadap Palestin.

Katanya,

platform media sosial perlu faham dengan hak asasi manusia serta sepatutnya membenarkan orang ramai atau pengguna media sosial untuk terus menyuarakan pandangan mereka terhadap kekejaman rejim zionis.

"Sepatutnya, penyedia-penyedia platform media sosial harus menghormati prinsip-prinsip serta undang-undang yang diguna pakai sesebuah negara.

"Jika kandungan tidak menyalahi undang-undang mengapa perlu menurunkan kandungan tersebut. Apa yang mereka mahu sorokkan atau takutkan.

"Tindakan kerajaan memanggil Meta Platforms Inc (Meta) adalah peringatan tegas dan perlu diambil perhatian serius oleh pihak-pihak



TAWFIK



ANWAR (kiri) ketika bertemu Haniyeh dalam misi lawatan rasmi ke Qatar, Doha pada Mei lalu.

penyedia media sosial lain agar terus menghormati prinsip yang diguna pakai negara Malaysia," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluahkan rasa kecewa susulan tindakan Meta yang sekali lagi memadam kandungan di laman sosial Facebook beliau berkenaan ucapan takziah kepada pejuang Palestin, Ismail Haniyeh yang dibunuh.

Malah, Anwar memberi teguran keras kepada Meta supaya tidak menjadi bacul dan menjadi perkakas kepada rejim zalim Zionis Israel.

Lantaran itu, pihak Meta melakukan permohonan maaf susulan penurunan hantaran daripada akaun Facebook dan Instagram, Perdana Menteri, berkaitan pembunuhan pemimpin Hamas Ismail Haniyeh, mendapat liputan meluas media di negara Arab dan berbahasa Arab.

Tambah Mohamad Tawfik, beliau berpandangan pemimpin-pemimpin lain diseru untuk terus menonjol menyuarakan isu Palestin seperti dapat dilihat dalam Himpunan Pembebasan Palestin baru-baru ini selain memberi segala bentuk bantuan yang diperlukan kepada mereka.

"Kita mahu semua pemimpin-pemimpin negara terus bersuara lantang khususnya untuk membantu mencari keadilan buat

negara Palestin.

"Selain itu, bagi saya bukan sekadar rawatan yang mereka perlukan tetapi kita bawa warga Palestin untuk menerima pendidikan di Malaysia dan wujudkan penempatan khas untuk mereka yang hilang, musnah rumah secara keseluruhannya.

"Dalam erti kata lain, kita menolong mereka untuk membina semula kehidupan mereka di bawah perlindungan negara kita, jauh daripada kekejaman rejim Zionis," katanya.

Sementara itu, Mohamad Tawfik mencadangkan kerajaan untuk menyediakan satu saluran khas bagi memberi ruang rakyat untuk terus komited bersuara mengenai isu ini.

"Kerajaan boleh sediakan satu saluran khas seperti radio, televisyen atau media sosial untuk berikan ruang sepenuhnya kepada rakyat menyuarakan perjuangan palestini tanpa sekatan.

"Ini adalah kerana, kerajaan mempunyai akses dan pada bila-bila masa boleh sediakan platform berkenaan bagi kita menyuarakan kelantangan di samping membuka mata dunia terhadap isu ini.

"Suara dari Malaysia didengari dengan sangat kuat, malah Perdana Menteri juga sering berkomunikasi dan berjumpa pemimpin-pemimpin Palestin seperti Hamas.

"Sebab itu syarikat penyedia platform cenderung kepada Israel bimbang dengan pengaruh oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim serta rakyat Malaysia," jelasnya. 

Cabul hak bersuara tindakan bacul

TINDAKAN menurunkan hantaran berkaitan ucapan takziah oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke atas Ketua Biro Politik Hamas, Allahyarham Ismail Haniyeh di aplikasi media sosial disifatkan sebagai mencabuli hak kebebasan bersuara di negara ini.

Selebriti terkenal, **Datuk Aznil Nawawi** berkata ia juga dilihat sebagai satu pencabulan terhadap hak untuk menyampaikan perasaan serta penghormatan terhadap perjuangan panglima yang syahid dalam membebaskan tanah air mereka daripada cengkaman penjajah.

"Tindakan Meta Platforms Inc (Meta) menurunkan hantaran yang tidak mempunyai unsur provokasi atau mencela mana-mana pihak itu dianggap sebagai menggugat kebebasan bersuara sesebuah negara.

"Meta seolah-olah memperkotak-

katikkan usaha Malaysia mengelola platform media sosial dalam memerangi jenayah siber dengan melanggar etika kebebasan bersuara.

"Saya berharap Meta mengambil langkah untuk memastikan insiden seumpama ini tidak berulang di masa hadapan, dengan menghormati hak pengguna untuk menyampaikan mesej yang berunsurkan kasih sayang dan penghormatan," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Selasa.

Dalam masa sama, Aznil berkata Meta juga sepatutnya menghormati kenyataan yang dikeluarkan Perdana Menteri kerana ia merupakan pandangan rasmi sebuah kerajaan dan negara yang berdaulat.



AZNIL

"Tindakan Meta juga dilihat sebagai penghinaan kepada perjuangan rakyat Palestin dalam mengejar keadilan dan hak asasi manusia," ujarinya.

Sebelum ini, beliau turut menyatakan hasrat untuk bertemu dengan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil susulan tindakan Meta yang menurunkan hantaran berkaitan Palestin menerusi platform media sosial milik syarikat berkenaan.

"Pertemuan itu bagi mengemukakan cadangan mewujudkan aplikasi media sosial yang khusus untuk kegunaan rakyat Malaysia sebagai respons bagi menyelar tindakan berkenaan.

"Saya ingin berjumpa dengan Menteri Komunikasi untuk kita wujudkan aplikasi media sosial sendiri. Tidak perlu pun aplikasi berkenaan popular hingga



mendapat tumpuan masyarakat luar negara. Paling penting, kita ada pengikut dalam kalangan rakyat Malaysia sahaja.

"Idea tersebut tercetus selepas Meta sudah mula mengeluarkan amaran akan mencuci konten-konten yang ada kaitan dengan Palestin (mengutuk Israel). Bagi saya ini adalah satu tindakan mengekang kebebasan bersuara sedangkan kita banyak menggunakan platform media sosial untuk memberi kesedaran kepada rakan-rakan, pengikut dan pengguna tentang

apa yang berlaku di sana.

"Jadi kalau suara sebegini disekat dan sehinggakan *posting* oleh Perdana Menteri sendiri dibawa turun, saya rasa mereka dah begitu berani, biadap, tidak menghormati hak pengguna dan disebabkan itu saya secara spontan memikirkan apa kata kita wujudkan media sosial kita sendiri, kita keluar ramai-ramai daripada platform itu dan ajar mereka bahawa mereka yang memerlukan kita bukan kita yang memerlukan mereka," tegasnya. 

DBKL sedia 10 garis panduan

KUALA LUMPUR BERDAYA SAING

DIANA AMIR

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menganjak ke arah pengurusan bandar yang lebih berdaya saing dan inovatif dalam memastikan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur menjadi lebih lestari dan selaras dengan keperluan masa kini.

Justeru itu, DBKL telah menyediakan 10 Garis Panduan Perancangan Kuala Lumpur 2024 yang dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Zaliha berkata 10 garis panduan tersebut merangkumi Perancangan Residensi MADANI, Kemudahan Ruang Penjaja MADANI dan Pelaksanaan Perancangan dan Pembangunan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik.

“Selain itu, Panduan Semakan Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur, Perancangan Pengemukaan Permohonan dan Pematuhan Kehendak Pemasangan Struktur Papan Iklan Luar, Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan, Perancangan Bagi Keperluan Tempat Letak Kenderaan, Perancangan Kawalan, Ketinggian Kediaman Bertanah, Panduan Kediaman Berbentuk Dual Key dan Perancangan Strategi Komunikasi,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



ZALIHA (tengah) pada Majlis Pelancaran Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 di Menara DBKL 1.

2024 di Menara DBKL 1, pada Selasa.

Tambah beliau, kesemua 10 Garis Panduan itu adalah untuk memastikan amalan tatakelola yang baik diamalkan di DBKL.

“Dengan adanya panduan yang jelas dan telus seperti ini, setiap langkah perancangan dan pelaksanaan pembangunan akan dapat dipantau dengan lebih efektif, selain menilai tahap keberkesanan sesuatu polisi dan strategi yang dilaksanakan serta mempromosikan penambahbaikan yang berterusan.

“Tatakelola yang baik bermaksud

kita mengamalkan prinsip-prinsip keterbukaan, akauntabiliti dan integriti dalam setiap keputusan yang dibuat. Perkara ini penting dalam memastikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap DBKL terus terpelihara.

“Sehubungan itu, saya dimaklumkan bahawa kesemua garis panduan ini akan dipaparkan secara *public* di laman web DBKL untuk rujukan semua pihak.

“Saya turut difahamkan, setiap garis panduan tersebut adalah hasil daripada kajian terperinci

dan konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dengan pendekatan yang inklusif seperti ini, saya berharap agar garis panduan ini akan memberi impak positif kepada setiap warga kota,” ujarnya.

Dalam pada itu, Zaliha berkata Kuala Lumpur kini menampung populasi yang dianggarkan melebihi 8.8 juta orang dengan peningkatan sebanyak 2.25 peratus (%) berbanding tahun lalu dan menjelang tahun 2030, populasi ini dijangka akan terus bertambah mencecah 9.8 juta.

“Pertumbuhan populasi ini bukan sahaja melibatkan peningkatan semula jadi dalam kawasan bandar, malah juga migrasi masuk yang tinggi dari luar bandar.

“Ini memberikan satu tekanan kepada infrastruktur sedia ada dan menuntut supaya kita menyediakan satu perkhidmatan asas yang lebih baik buat semua warga kota agar Kuala Lumpur ini menjadi sebuah bandar yang berdaya huni.

“Tidak dilupakan juga, isu-isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hijau turut menjadi antara kebimbangan utama yang perlu diatasi,” ujarnya.

Zaliha berkata dalam menghadapi semua cabaran ini DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu terus peka dengan keperluan dan kehendak semasa

pembangunan di Kuala Lumpur.

“Dalam usaha ini saya difahamkan DBKL telahpun melaksanakan pelbagai inisiatif yang lebih proaktif seperti penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050.

“DBKL juga telah menghasilkan satu Panduan Teknik Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur hasil kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa iaitu C40 Cities Climate Leadership Group.

“Ini juga secara tidak langsung menunjukkan usaha kita untuk mencapai pembangunan yang lebih lestari,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengharapkan dengan adanya Garis Panduan ini DBKL dapat dipandu dengan lebih telus dan teliti serta dapat memastikan kehidupan yang lebih baik untuk generasi kini dan akan datang.

“Saya menyeru semua pihak termasuk pihak agensi kerajaan, pemaju, pemegang-pemegang taruh dan orang awam untuk memberikan kerjasama erat dan komitmen yang baik dalam memastikan Garis Panduan ini dimanfaatkan sepenuhnya. Insya-Allah, bersama-sama kita boleh memastikan Kuala Lumpur terus berkembang sebagai sebuah bandar mampan dan berdaya huni,” katanya. 

KDNK Labuan naik 1.9%

LABUAN merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 1.9 peratus bernilai RM 8.1 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkaan Malaysia, **Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin**, prestasi sosioekonomi pulau itu adalah menggalakkan pada tahun lalu.

Katanya, pertumbuhan ekonomi dipacu sektor perkhidmatan yang berkembang 2.2 peratus dan didorong sub sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

“Secara prestasi KDNK per kapita, Labuan merekodkan sejumlah RM 83,596 pada tahun 2023 dan ianya menjadi kedua tertinggi selepas Kuala Lumpur,” katanya dalam satu kenyataan menerusi Laporan Sosio Ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan 2023, baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata dari aspek pelancongan Labuan menerima pelawat domestik seramai 331,400 pada 2023 berbanding tahun sebelumnya hanya merekodkan 243,700 pelawat domestik.

“2023 turut mencatatkan peningkatan bilangan pelancong domestik sebanyak 47 peratus kepada dua juta orang berbanding satu juta pada tahun sebelumnya.

“Antara destinasi tumpuan utama pelawat domestik adalah Kampung Patau-Patau, Pantai Layang-Layang, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dan Pantai Pohon Batu dan ini jelas menunjukkan prestasi pelancongan yang baik kepada wilayah ini pada tahun 2023,” katanya.

Seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta prestasi pelaburan yang menggalakkan, Dr Mohd Uzir turut memaklumkan pasaran buruh di pulau itu terus mengukuh dengan peningkatan sebanyak 4.3 peratus.

Bilangan tenaga buruh adalah seramai 46,500 orang berbanding tahun sebelumnya dengan merekodkan sebanyak 44,600 manakala bilangan penduduk bekerja juga meningkat kepada 43,400 orang berbanding 41,500 pada tahun sebelumnya.

“Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) turut meningkat sebanyak



SECARA prestasi KDNK per kapita, Labuan merekodkan sejumlah RM 83,596.

0.5 mata peratus iaitu daripada 67.4 kepada 67.9 peratus pada tahun 2023. Pada masa sama, kadar pengangguran juga semakin baik, iaitu menurun kepada 6.8 daripada 6.9 peratus pada tahun sebelumnya,” katanya.

Persekitaran ekonomi global yang mencabar pada tahun 2023 telah memberi implikasi terhadap jumlah perdagangan Malaysia yang menunjukkan penurunan 7.3 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan nilai RM2.6 trilion.

Jumlah perdagangan yang

direkodkan di Labuan dalam tempoh tersebut adalah bernilai RM19.1 bilion, turut menyusut 31.5 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan nilai eksport dan import masing-masing RM16.1 bilion dan RM3 bilion.

Antara eksport barangan utama adalah keluaran petroleum bertapis (RM7.4 bilion), petroleum mentah (RM5.5 bilion) dan metanol (RM2.0 bilion), meliputi 93.0 peratus kepada eksport keseluruhan negeri.

Destinasi eksport utama Labuan pada tahun 2023 adalah Vietnam dengan jumlah eksport bernilai

RM3.3 bilion, diikuti Singapura (RM3.0 bilion) dan Thailand (RM2.9 bilion).

Sementara itu, barangan import utama adalah saluran, paip dan pasangan besi atau keluli (RM361.6 juta), diikuti oleh barangan alat dan perkakas mengukur, memeriksa, menganalisis dan kawalan (RM177 juta) serta keluaran petroleum bertapis (RM170.2 juta). Sumber import utama Wilayah Persekutuan Labuan adalah daripada Bahrain (RM0.7 bilion), Amerika Syarikat (RM0.5 bilion) dan Singapura (RM0.4 bilion). 

Dakwa kerajaan kawal kandungan media sosial

PM PUN JADI 'MANGSA'

MASIH terdapat segelintir pengguna media sosial yang mendakwa pihak kerajaan mengawal kandungan dalam media sosial dan sewenang-wenangnya menyekat serta memadam hantaran yang menyalahkan kerajaan sekali gus mendakwa Kerajaan Perpaduan tidak boleh ditegur.

Malah, ada juga yang melemparkan tuduhan mendakwa pihak kerajaan 'koyak' dengan komen negatif yang dimuat naik sehingga sanggup memadam apa sahaja kandungan yang tidak sejalan dengannya.

Tuduhan tidak berasas (kerajaan turunkan kandungan dalam media sosial) tersebut nampaknya sengaja direka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang menimbulkan tanggapan negatif kepada kerajaan.

Bukan hanya rakyat atau pembangkang yang diturunkan kandungannya, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga menjadi 'mangsa' di mana kandungan dalam media sosialnya diturunkan oleh Meta Platforms Inc (Meta).

Ini menjadi bukti bahawa kerajaan tidak pernah sewenang-wenangnya memadam hantaran mana-mana pihak kerana PM pun menjadi mangsa.

Mustahil lah PM meminta Meta menurunkan kandungannya sendiri?

Baru-baru ini Anwar menerima permohonan maaf Meta yang



menurunkan kandungan akaun Facebook dan Instagram beliau berkait pembunuhan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata kerajaan berharap kejadian itu tidak berulang dan menegaskan Meta jangan 'pilih kasih'.

"Perdana Menteri memaklumkan bahawa sahabat beliau termasuk berada di Timur Tengah membaca berita tersebut bermaksud ia telah sampai ke seantero dunia.

"Jadi, Perdana Menteri terima permohonan maaf itu dan pada masa sama, kita harap kejadian seperti itu tidak berulang," kata Jurucakap Kerajaan itu dalam sidang

media di Putrajaya, baru-baru ini.

Terdahulu, kerajaan menuntut permohonan maaf daripada syarikat induk Facebook dan Instagram, Meta kerana menurunkan beberapa hantaran media sosial Anwar berkait Allahyarham Ismail Haniyeh.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) berkata tuntutan itu dibuat ketika Fahmi dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din bertemu wakil Meta baru-baru ini.

"Susulan permohonan maaf itu, kandungan tersebut dikembalikan dengan label berita sebenar yang bersesuaian," kata Jurucakap Meta dipetik Reuters.

Sementara itu, Fahmi berkata beliau meminta Meta memberikan garis panduan terkini dari semasa ke semasa kerana dimaklumkan ia akan berubah-ubah khususnya mengenai isu geopolitik.

Sebelum ini juga, Bahagian Media dan Komunikasi Strategik Pejabat Perdana Menteri sangat prihatin apabila telah memanggil Meta bagi menuntut penjelasan berhubung tindakan penurunan beberapa hantaran mengenai Palestin dan Ismail Haniyeh.

Hantaran yang bertarikh 14 Mei dan 30 Julai itu diturunkan daripada Facebook dan Instagram Perdana Menteri.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

26/7-26/9/24: Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

10/8/24: Ceramah Datuk Ustaz Mohd Kazim Elias @ PPAM Kasturi Presint 17

24/8/24: Pertandingan Barista Latte Art @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 /**

019-266 5850

Beri tumpuan reformasi ekonomi



UMNO mengetuai kempen PRK Nenggiri kerana lebih tahu tentang kawasan Nenggiri dan Gua Musang. - Gambar hiasan

KECOH dalam media sosial kononnya Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, tidak dibenarkan berkempen sempena Pilihanraya Kecil (PRK) Nenggiri dan Gua Musang. Ada yang mendakwa Rafizi tidak disukai rakyat dan kehadirannya boleh menjejaskan undian pada hari PRK nanti.

Malah ada yang mendakwa situasi itu telah menyebabkan berlakunya salah faham dan pergaduhan sesama sendiri dalam kerajaan.

Nampaknya fitnah tersebut adalah tidak berasas. Menurut Rafizi yang juga Timbalan Presiden parti PRK, UMNO mengetuai kempen bagi PRK Nenggiri kerana parti itu lebih tahu tentang kawasan Nenggiri dan Gua Musang.

Rafizi berkata justeru lebih baik UMNO mengetuai kempen tersebut sementara dia menumpukan perhatian terhadap tanggungjawabnya selaku menteri ekonomi.

"Jadi pendekatan kita ialah selalu guna ayat ini, kita saling melengkapi. Ada kerusi yang rakan kita lebih kuat, jadi mereka akan ketua (kempen).

"Sebab itu (mengambil kira) keadaan sekarang, perkara yang terbaik ialah serahkan kepada UMNO untuk ketua kempen sebab mereka lebih tahu kawasan itu berbanding kami dalam PRK atau PH," katanya.

Rafizi berkata dia memang tidak menyertai kempen di kawasan yang tidak ditandingi PRK. Mengulas lanjut, beliau berkata dengan UMNO mengetuai kempen PRK Nenggiri, beliau dapat memberi lebih tumpuan terhadap reformasi ekonomi, seperti inisiatif gaji progresif dan isu kritikal yang lain.

"Ini cara yang lebih baik untuk menyumbang kepada kempen untuk memastikan dasar dan prestasi kerajaan berjalan dengan baik," katanya lagi.

Pada 19 Julai lalu, Pengarah Komunikasi PH, Fahmi Fadzil berkata jentera gabungan itu sedia membantu calon BN untuk berkempen dalam PRK Nenggiri.

PRK ini menyaksikan pertembungan satu lawan satu antara calon BN, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani dan calon PN, Mohd Rizwadi Ismail.

Blueprint Penarafan Kebersihan WPKL

5 TAMAN TERIMA GRED A

SYED HAZIQUE

SEBANYAK lima kawasan perumahan telah berjaya memperoleh penarafan Gred A bagi pelaksanaan Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) bagi Fasa 3/2022 dan Fasa 4/2023.

Antara kawasan tersebut ialah satu di Kepong Baru di Parlimen Kepong, Jalan Berangan di Parlimen Bukit Bintang (1), Jalan Wangsa Delima di Parlimen Setiawangsa (1) serta Jalan Jujur, Taman Mulia dan Jalan Dwitasik di Parlimen Bandar Tun Razak (2).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata penarafan tersebut diberikan bagi mengiktiraf peranan agensi dan masyarakat yang berusaha bagi mencapai matlamat dan aspirasi KL Bersih dan Indah.

"Pelaksanaan Blueprint Penarafan Kebersihan WPKL ini bertepatan dengan mandat dan aspirasi DBKL yang bermula dengan dua kawasan tumpuan ramai iaitu Blueprint Kebersihan kawasan Bukit Bintang pada Disember 2012 dan Blueprint Kebersihan kawasan Daerah Petaling pada Disember 2013.

"Program ini dilaksanakan bagi menaik taraf status kebersihan serta keindahan Bandar Raya Kuala Lumpur dan ia diwujudkan bagi mendapat satu penanda aras (*benchmark*) status kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian di dalam satu teks ucapan yang



ISMADI (tengah) menyampaikan sijil penarafan Gred A kepada salah seorang wakil Majlis Perwakilan Penduduk.

disampaikan oleh Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi), Ismadi Sakirin pada Malam Apresiasi Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambah beliau, kejayaan Blueprint ini mengambil kira komponen utama masyarakat setempat yang melibatkan pelbagai pihak (*stakeholders*).

Jelasnya lagi, terdapat lima elemen utama dalam pelaksanaan Blueprint Penarafan Kebersihan WPKL.

"Antaranya ialah kolaborasi antara agensi dan pihak berkepentingan, penambahbaikan infrastruktur, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, penguatkuasaan bersepadu

serta kesedaran awam terhadap program kebersihan yang dijalankan," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Kamarulzaman, penarafan kebersihan kawasan adalah berdasarkan empat kriteria utama.

"Empat kriteria tersebut adalah aspek kebersihan sebanyak 30 peratus, aspek penglibatan komuniti (30 peratus), aspek infrastruktur (20 peratus) dan aspek persekitaran sebanyak (20 peratus).

"Malah empat standard utama telah dikenal pasti iaitu bagi gred A atau lima bintang, gred B empat bintang, gred C tiga bintang dan gred D dua bintang sahaja," katanya.

Mengulas lanjut, beliau turut merakamkan penghargaan terhadap semua pihak yang bertungkus lumus dalam

memastikan persekitaran Kuala Lumpur terus kekal bersih dan mampan.

"Saya berasa sangat bangga dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan semua pihak dalam usaha memastikan penyelenggaraan persekitaran Kuala Lumpur yang mampan.

"Saya yakin dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, usaha seumpama ini dapat memberikan impak positif kepada warga kota dan alam sekitar khususnya di bandar raya Kuala Lumpur ini.

"Marilah kita bersama-sama berganding bahu menjayakan program ini demi menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar C.H.A.S.E City iaitu *Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City* dan *Eco-Friendly City*," katanya.

DBKL giat operasi

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan Operasi Bersepadu (Operasi Roboh Struktur Tambahan atas rezab jalan awam) pada Sabtu lalu.

DBKL menerusi hantaran di Facebooknya berkata operasi tersebut adalah melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Pejabat Cawangan Bukit Bintang, Lembah Pantai, Batu, Segambut, Bandar Tun Razak dan Cheras.

"Beberapa agensi sahabat lain juga turut terlibat seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS). Operasi dijalankan di sekitar Jalan Sultan, Lorong Sultan, Jalan Tan Cheng Lock dan Jalan Hang Lekir.

"Kesemua sisa struktur telah dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi yang dijalankan," katanya.

Sementara itu, pada Jumaat lalu, DBKL telah menutup sebanyak lima pusat pelacuran serta dua pusat hiburan menerusi Operasi Tindakan Khas (Operasi Pusat Pelacuran dan Pusat Hiburan) di sekitar Wilayah Persekutuan.

"Tindakan tutup serta-merta itu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Hiburan (WPKL) 1992.

"Selain itu, sebanyak enam Notis Kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 dan UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, lima Notis Penguatkuasaan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta tiga Notis Pemberitahuan Tentang Kesalahan di bawah Akta Hiburan (WPKL) 1992 telah dikeluarkan.

"DBKL turut meroboh struktur dalaman yang didirikan tanpa mendapat kelulusan (Pusat Pelacuran) dan menyita segala barangan yang berkaitan," ujarnya.

Pusat ESG bawa kesan positif ekosistem



ZALIIHA ketika sesi taklimat selepas merasmikan ESG Centre Kuala Lumpur.

SEBANYAK dua Pusat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) akan dibina di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pusat ini akan menjadi pusat penyebaran maklumat dan pendidikan mengenai inisiatif kemampanan, pengurangan karbon dan mitigasi perubahan iklim.

Tambah Zaliha, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat berkaitan perkara tersebut memandangkan penglibatan semua pihak termasuk orang awam melalui pendekatan *whole of nation* penting dalam memastikan amalan ESG terlaksana dengan baik di Malaysia.

"Kita akan lakukan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain kalau mereka mahu ambik pendekatan sama seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Akhirnya kita nak supaya kesan penubuhan ESG bukan sahaja memastikan memberi pendidikan kepada penduduk kota tetapi kesan kepada ekosistem, perubahan iklim, ekonomi serta komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan ESG Centre Kuala Lumpur dan Taman Bandar TRX di Tun Razak Exchange baru-baru ini.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh**.

ESG Centre Kuala Lumpur merupakan cetusan idea Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai manifestasi kesungguhan DBKL ke arah kemampanan sejagat dan menyokong aspirasi rangka kerja ESG yang selari dengan cita-cita DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mampan berteraskan ESG, setanding dengan bandar raya terkemuka lain di dunia.

ESG merupakan singkatan

kepada E bagi *environment* iaitu alam sekitar, S bagi *social* atau masyarakat dan G bagi *governance* iaitu tatakelola.

ESG ialah proses di mana organisasi menilai tahap kemampanan dan kesan operasi mereka kepada alam sekitar, sosial dan tatakelola.

Jelas Zaliha, pusat ini juga akan berfungsi sebagai pusat rangkaian bagi perhubungan antarabangsa dan membolehkan kerjasama dengan pusat-pusat ESG di seluruh dunia.

"Dalam masa yang sama meningkatkan profil Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar rendah karbon.

"Harapan saya juga adalah untuk melihat kerjasama erat awam-swasta, penduduk, NGO dan semua pihak tentang pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan kemampanan ini mencapai kepada matlamat dan hasil yang optimum," ujarnya.

Kunjungan hormat YWP ke YLTAT

RANGKA EMPAT PROGRAM

DIANA AMIR

SEBANYAK empat program kerjasama telah dirangka Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bersama Yayasan Lembaga Tabung Amanah Tentera (YLTAT) dalam memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama strategik di antara dua pihak.

Menurut Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj**, melalui hasil kunjungan hormat tersebut pihaknya turut membincangkan beberapa inisiatif bersama YLTAT.

"Antara inisiatif yang dirangka adalah pembukaan Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) di kuarters tentera di sekitar Kuala Lumpur; Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) untuk anak-anak tentera, veteran dan golongan berpendapatan rendah.

"Selain itu, YWP bersama YLTAT juga akan menjalankan program motivasi kepimpinan pelajar atau belia di Wilayah Persekutuan di mana program ini adalah untuk memperkasakan kemahiran interpersonal pelajar dengan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan interaksi sosial serta mengajar cara berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat



ABDUL RAHMAN (empat kanan) bersama **Mohd Nizar** (empat kiri) dan **Ida Harlina** (tiga kanan) ketika kunjungan hormat.

dengan hormat dan profesional.

"Program motivasi tersebut akan melibatkan kira-kira 300 pelajar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan gabungan anak askar," katanya.

Tambah beliau, pihaknya juga akan membantu YLTAT dengan memberi subsidi pembayaran kepada pegawai rendah tentera yang berpendapatan rendah untuk

menghantar anak-anak ke taska.

"Untuk makluman sebahagian program akan mula dilaksanakan dalam tahun ini juga selepas melalui beberapa perbincangan manakala untuk pembukaan PREPKOM, akan dimulakan pada tahun hadapan kerana perlu memilih lokasi yang bersesuaian terlebih dahulu. Kesemua program tersebut akan memberi tumpuan khusus buat

warga Wilayah Persekutuan," jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Rahman turut mengharapkan keempat-empat inisiatif bersama YLTAT ini dapat memberikan impak positif yang mendalam kepada para pelajar, belia dan anggota tentera serta keluarga mereka.

"Diharapkan menerusi Program Motivasi Kepimpinan

dapat melahirkan generasi yang berdaya saing dan berwawasan dengan meningkatkan kemahiran interpersonal serta komunikasi mereka manakala dengan wujudnya pusat PREPKOM ia dapat dijadikan platform unggul untuk meningkatkan kualiti hidup dan kemahiran mereka.

"Menerusi Program TVET untuk pesara tentera, ia adalah bertujuan memberi peluang kedua kepada mereka untuk memulakan kerjaya baharu dalam bidang keusahawanan dan inisiatif terakhir iaitu pemberian subsidi perkhidmatan taska diharapkan dapat meringankan beban kewangan pegawai sokongan tentera yang berpendapatan rendah dalam memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan awal yang berkualiti.

"Saya berharap semua inisiatif ini dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan dan memberikan manfaat," ujarnya.

Terdahulu, YWP diketuai Abdul Rahman mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Eksekutif YLTAT, Datuk Dr Mohd Nizar Sudin. Turut sama Pengurus Kanan YWP, Datin Ts Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir.

Kenal pencemar baru

JABATAN Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL) mengeluarkan sebanyak 23 arahan lapangan, lima notis arahan, tiga tawaran kompaun dan tiga penyediaan kertas siasatan dalam Ops Gempur yang diadakan baru-baru ini.

JASWPKL dalam kenyataannya berkata operasi tersebut melibatkan 18 orang pegawai penguat kuasa yang dibahagikan kepada lima pasukan.

"Tujuan Ops Gempur yang dijalankan ini adalah untuk menilai tahap pematuhan premis sedia ada yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan mengenal pasti punca-punca pencemar baru yang tiada dalam rekod Jabatan," katanya.

Jelasnya lagi, antara premis yang digempur pada kali ini adalah premis mengumpul barang lusuh dan scrap metal yang disyaki menjalankan aktiviti peleraian buangan elektronik (SW 110).

"Sampel buangan terjadual telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk dianalisis. Jika disabitkan kesalahan premis boleh didakwa di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) (Pindaan 2024).

"Premis lain yang turut digempur adalah loji rawatan kumbahan yang mempunyai nilai bilangan penduduk setara (PE) melebihi 150 yang tertakluk di bawah PPKAS (Kumbahan) 2009, kilang memproses makanan yang menghasilkan efluen yang tertakluk di bawah PPKAS (Efluen) 2009, bengkel servis kenderaan, makmal, pusat



SEKITAR operasi Ops Gempur yang dijalankan baru-baru ini.

penyelidikan, pusat percetakan dan klinik yang tertakluk di bawah PPKAS (Buangan Terjadual) 2005.

"Sepanjang operasi ini, JASWPKL telah berjaya membuat pemeriksaan penguatkuasaan ke atas 23 premis," ujarnya.

Dalam pada itu, JASWPKL turut mengharapkan dengan pelaksanaan Ops Gempur ini serta tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan dapat memberi mesej yang jelas kepada semua pihak untuk sentiasa mematuhi kehendak perundangan dan kepentingan alam sekitar.

Terdahulu, JASWPKL telah menjalankan penguatkuasaan Akta Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) (Pindaan 2024) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya melalui Ops Gempur Julai 2024 pada 19 sehingga 25 Julai lalu dan turut melibatkan kerjasama dengan Unit Risikan/Operasi, Bahagian D4, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

Kempen RM300 empat bulan lagi

KEMPEN Strukturkan Pinjaman Anda Serendah RM300 yang dianjurkan oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dilanjutkan kepada empat bulan khas buat peminjam PTPTN.

Pengerusi PTPTN, **Datuk Seri Norliza Abdul Rahim** berkata kempen tersebut merupakan inisiatif khas yang diwujudkan bagi menggalakkan dan memberi sokongan kepada peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman PTPTN untuk menyelesaikan tunggakan mereka dengan bayaran awal serendah RM300 sahaja.

"Melihat kepada sambutan yang menggalakkan daripada kalangan peminjam, tempoh kempen telah dilanjutkan daripada dua bulan yang berakhir pada 31 Julai lalu sebelum ini kepada empat bulan iaitu bermula 1 Jun sehingga 30 September 2024," katanya dalam satu kenyataan media.

Norliza berkata tujuan pelanjutan tempoh

kempen ini adalah untuk memberi peluang kepada peminjam membuat rundingan bayaran balik dan membantu peminjam merancang semula ansuran bayaran balik demi mencapai zero tunggakan.

"Tempoh pelanjutan ini juga adalah selaras dengan pelaksanaan Kempen myPTPTN Mudah, Cepat & Selamat yang sedang berlangsung.

"Melalui perlanjutan tempoh kempen ini, peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman boleh mengambil peluang untuk membayar tunggakan serendah RM300 dan membuat penstrukturkan semula pinjaman sekali gus dapat memperbaiki rekod kredit peminjam," ujarnya. Tambahnya kempen ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan dalam tempoh kempen, sama ada pinjaman konvensional atau ujah.

"Selain penstrukturkan, peminjam juga boleh membuat rundingan bayaran balik yang lain," jelasnya.

YAKIN MARTABAT NEGARA DIANGKAT

DATUK Azman Abidin terus berjuang demi memberikan perkhidmatan terbaik dalam perihal politik kepada pemimpin negara, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiasaha politik kepada Perdana Menteri ini fokus untuk membawa kelainan bermula dengan perkara-perkara asas yang memberi perubahan sekali gus membantu Anwar memikat hati rakyat.

Walau banyak cabaran yang harus ditempuhi namun perkara tersebut tidak membataskan semangatnya untuk terus menabur bakti kepada negara tercinta.

Ikuti wawancara eksklusif Wartawan Wilayahku, **SYED HAZIQUE** bersama **DATUK AZMAN ABIDIN** bagi menceritakan detik pahit manis sepanjang berkhidmat.



Bagaimana karier Datuk Azman bermula?

Saya mula berjinak di dalam dunia politik ini sejak pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada UMNO iaitu pada tahun 1998.

Susulan daripada itu, saya berjuang bersama Anwar Ibrahim dengan penubuhan Parti Keadilan Nasional yang dikenali kini sebagai Parti Keadilan Rakyat.

Pelbagai rintangan, hiruk-pikuk yang telah kami lalui, namun terus cekal di dalam memastikan matlamat reformasi itu tercapai.

Sudah berapa lama Datuk Azman berjuang dalam arena politik ini?

Kalau nak diikutkan kira-kira selama 25 tahun saya sudah aktif di dalam arena politik. Perjalanan ini, tidak semudah disangka, diherdik, dicaci, namun saya tetap

kuatkan semangat untuk teruskan perjuangan.

Ia tidak semudah yang disangka tetapi kerana minat dan semangat perjuangan itu yang membuatkan saya berdiri di sini hari ini.

Apakah tanggungjawab atau tugas-tugas yang dijalankan oleh seorang Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri?

Menggalas tugas ini merupakan satu tanggungjawab yang besar dan berat. Ia juga tidak mudah kerana bukan sahaja membantu Perdana Menteri dari segi politik beliau tetapi merangkumi pelbagai hal lain.

Antaranya saya perlu memastikan bahawa apa sahaja visi dan misi Perdana Menteri dapat dicapai kepada rakyat dan anggota-anggota parti yang lain.

Itulah antara tugas-tugasnya, ia nampak mudah tetapi ia

sememangnya mencabar dengan banyak rintangan yang perlu ditempuhi.

Di samping itu, ia perlu ditambah dengan komunikasi yang baik untuk tidak menjejaskan kebatasan dalam pemberian maklumat selain telus serta tepat dan cepat.

Pada pandangan Datuk Azman, bagaimanakah penerimaan rakyat terhadap Perdana Menteri?

Penerimaan rakyat sangat baik, maksudnya kita boleh lihat di mana segala polisi-polisi serta dasar-dasar yang dilakukan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, rakyat mula menerima dan nampak kesannya.

Kesemua yang dilakukan Perdana Menteri adalah untuk kepentingan rakyat serta pembangunan negara. Malah, Perdana Menteri juga berusaha meningkatkan ekonomi negara dengan mencari pelabur-pelabur antarabangsa untuk meyakinkan mereka melabur di dalam negara.

Rakyat lebih bijak memilih yang terbaik masa kini dan oleh kerana itu saya yakin, sokongan rakyat kepada Perdana Menteri juga tidak berbelah bahagi dan yakin untuk terus memacu negara ke arah lebih gemilang.

Kesan-kesan positif juga sudah mula membuahkan hasil, dengan ringgit yang semakin mengukuh,

bursa saham meningkat, prestasi pertumbuhan ekonomi juga turut meningkat.

Terdapat beberapa langkah kurang popular yang dilaksanakan Perdana Menteri melalui kerajaan untuk kepentingan negara serta rakyat, apakah antara penyebabnya?

Segala keputusan yang diambil atau dilaksanakan adalah untuk kepentingan negara serta rakyat bukan demi kepentingan peribadi beliau.

Sudah tentu terdapat sebahagian rakyat yang marah dan menentang keputusan atau dasar yang dilaksanakan antaranya penyasaran subsidi diesel bersasar.

Banyak pihak yang menentang namun, setelah dilaksanakan, ramai mula menerima dan akur, kerajaan juga pada masa sama, memberi nilai bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Objektif utama penyasaran subsidi ini adalah kita mahu mengelakkan ketirisan selain menjimatkan perbelanjaan kerajaan berjumlah berbilion ringgit.

Dalam pada itu, hasil penjimatan itu juga nanti, kerajaan juga akan menggunakan duit tersebut untuk pembangunan negara.

Memang boleh dilihat juga, penyasaran subsidi ini sudah dibincangkan sejak Perdana Menteri sebelum-sebelum ini juga namun mereka tidak berani melakukannya kerana takut hilang sokongan.

Namun, Datuk Seri Anwar laksanakannya demi untuk peningkatan serta pembangunan negara.

Bersempena dengan Bulan Kemerdekaan ini, apa yang Datuk dapat simpulkan tentang semangat patriotisme dalam kalangan

generasi muda masa kini?

Kita perlu faham, semangat sentimen kemerdekaan itu berbeza di antara generasi masa kini dan juga pada masa perjuangan kemerdekaan ketika itu.

Kita perlu fahami, apakah erti kemerdekaan dan perlu didik anak-anak muda masa kini untuk memberi mereka makna kemerdekaan sesebuah negara.

Saya tidak kata mereka kurang bersemangat atau tiada langsung semangat patriotik ditanam di dalam diri mereka namun semua pihak perlu memainkan peranan di dalam memberi pengetahuan tentang nilai kemerdekaan itu kerana ia adalah peristiwa paling bermakna untuk negara.

Kita perlu lebih tanamkan sifat kasih sayang dalam diri mereka terhadap negara yakni perlu menjaga kedaulatan negara serta keharmonian antara kaum di negara ini kerana mereka adalah pemimpin masa hadapan.

Akhir sekali, apakah harapan Datuk Azman kepada rakyat?

Sudah semestinya hasrat saya ingin melihat negara saya lebih baik serta paling utama martabat negara dinaikkan semula supaya menjadi sebuah negara yang hebat.

Ini kerana Malaysia pernah menjadi antara negara yang hebat di rantau Asia dari segi ekonomi serta sukan. Saya nak negara kita bangkit semula.

Bersama-sama kita seluruh rakyat Malaysia bersatu padu berganding bahu terus memacu negara ke arah masa hadapan yang lebih gemilang sekali gus menjadikan Malaysia negara yang disegani bukan sahaja di rantau Asia malah di seluruh dunia. 



BI274 . 9-15 OGOS 2024



Pelajar

Pelajar

ASAP VAPE MASUK SEKOLAH?

►10-11

VAPE BAWA 7,000 KESAN NEGATIF

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

TABIAT menghisap rokok elektronik atau lebih dikenali sebagai vape dilihat semakin menjadi-jadi dalam kalangan pelajar menengah malah turut menular di peringkat sekolah rendah ekoran terdapat beberapa pihak yang menormalisasikan sentimen kononnya ia tidak berbahaya.

Realitinya, sama ada vape atau rokok kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu boleh merosakkan paru-paru selain memberikan pelbagai kemudahan selain menjadi punca golongan remaja menjadi penagih nikotin.

Justeru itu, Pengamal Perubatan, **Dr Amalina Azmi** meminta orang ramai untuk menghentikan sentimen bahawa vape tidak membahayakan kerana ia dilihat sebagai ancaman serius kepada golongan muda di Malaysia.

“Sikap mahu mencuba, pengaruh daripada rakan selain ingin menghilangkan tekanan menjadi antara faktor pelajar terjebak. Malah, ada yang bertindak lebih berani dengan membawa peranti itu ke sekolah akibat ketagihan.”

“Kebanyakan cecair vape berperisa mempunyai nikotin yang menyebabkan ketagihan. Vape tidak selamat untuk kanak-kanak kerana ia mengandungi nikotin dan perisa dalam bentuk aerosol yang mempunyai tujuh ribu kesan negatif,” ujar beliau.

Amalina juga menegaskan vape adalah sama bahaya dengan rokok konvensional.

“Vape merupakan peranti berkuasa bateri yang mampu menyalurkan nikotin dan perisa

dalam bentuk aerosol. Aerosol mengandungi bahan berbahaya serta logam berat karsinogenik seperti nikel, plumbum dan bahan kimia lain. Selain itu, propylene glycol yang ditemukan dalam vape boleh menyebabkan kerengsaan mata dan paru-paru serta gangguan saluran pernafasan.

“Nikotin yang mempunyai kesan ketagihan pula boleh menyebabkan kemurungan, pening, kanser paru-paru dan kematian. Nikotin juga boleh memberi kesan besar kepada perkembangan otak kanak-kanak dan remaja sehingga usia 25 tahun.

“Cecair vape mengandungi pelbagai perisa berbahaya dan menunjukkan sitotoksiti iaitu cecair yang mampu membunuh sel paru-paru, otak dan lapisan kulit. Malah, bahan kimia yang ada dalam ramuan perisa digunakan di dalam cecair vape iaitu diacetyl boleh menyebabkan penyakit sekatan pulmonari kronik (COPD).

“Bahaya kandungan nikotin ini menjadikan penggunaanya lebih cenderung untuk mengalami ketagihan, menurunkan sistem imunisasi badan, membantutkan pembelajaran, hilang fokus dan seterusnya menyumbang masalah gejala sosial yang lain,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata orang ramai diingatkan untuk tidak mudah terpedaya dengan dakwaan penggunaan vape kurang mudaratnya berbanding rokok apatah lagi bagi mengurangkan ketagihan.

“Masih tiada bukti saintifik yang menyokong dakwaan berkenaan. Sehingga kini tiada syarikat pengeluaran mendaftarkan produk

mereka sebagai satu alat untuk berhenti merokok. Bahkan paling bahaya apabila pengguna menggunakan kedua-dua produk tersebut. Tak cukup dengan vape, mereka kembali kepada penggunaan rokok konvensional.

“Kandungan nikotin dalam vape adalah kira-kira dua atau tiga kali ganda lebih daripada kandungan nikotin dalam rokok. Sebagai contoh, dalam sebatang rokok ada lebih kurang 2 ke 3 miligram (mg) nikotin tetapi vape mungkin mengandungi empat hingga 12 mg nikotin.

“Apa yang menjadi kebimbangan ialah vape juga dikhuatiri turut dicampur nikotin yang juga bahan kimia berbahaya menyebabkan pelbagai masalah kesihatan termasuk peningkatan tekanan darah, serangan jantung, angin ahmar, ulser perut dan usus,” ujarnya.

Amalina berkata satu kajian pada 2021 bertajuk Characterizing the Chemical Landscape in Commercial E-Cigarette Liquids and Aerosols by Liquid Chromatography-High-Resolution mendapati ada lebih 2,000 jenis bahan kimia berbahaya dalam bentuk wap rokok elektronik di pasaran sekali gus merisikokan.

“Laporan A Systematic Review of Health Effects of Electronics Cigarettes pula membuktikan penggunaan rokok alaf baharu ini berisiko tinggi menyebabkan kerosakan sel badan manusia dan pelbagai komplikasi penyakit.

“Ini termasuklah ketagihan nikotin yang tinggi serta menambah beberapa kajian sebelum ini juga menunjukkan keberagutan pada cecair itu adalah lebih tinggi berbanding bahan-bahan dan dadah terlarang yang lain seperti morfin dan heroin,” ujarnya.

Berdasarkan penemuan itu, Amalina menyangkal dakwaan pihak industri yang sering kali mempromosikan vape sebagai alternatif terbaik dan lebih selamat membantu perokok menghentikan tabiat mereka.

“Jumlah nikotin yang terdapat di dalam rokok adalah antara enam hingga 28mg. Jumlah ini besar julatnya kerana bergantung pada jenis rokok dan kualiti tembakau. Itupun rokok ada penapis di pangkalnya dan perokok hanya dapat menyedut kandungan nikotin kurang daripada 2mg (1.1 hingga 1.8mg).

“Walaupun hanya 2mg yang disedut, tetap ada bahan berbahaya dan nikotin itu sendiri menyebabkan ketagih. Bayangkan perokok tegar habiskan sekotak sehari, bermakna dia sudah sedut

22 hingga 36mg nikotin ke dalam tubuh. Sementara vape pula disedut secara terus tanpa tapisan dan kajian mendapati 15 sedutan mengandungi 15.4mg nikotin.

“Bayangkan jika menghisap vape ini puluhan kali sehari. Jika 10 kali, bermakna seseorang itu sudah menyedut 154mg nikotin iaitu tujuh kali ganda berbanding rokok biasa. Ramai tidak tahu yang kandungan nikotin di dalam rokok elektronik (0 hingga 36mg) boleh jadi lebih tinggi berbanding rokok tembakau (10 hingga 12mg).

“Oleh itu, tindakan memperketat pengawalseliaan sistem jualan vape termasuk memantau kandungan dalam cecair vape yang terkandung dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) harus disokong dan digerakkan kemennya bermula dari rumah,” tegasnya.

KAWAL SEBELUM MELARAT

KERAJAAN digesa untuk menangani isu vape yang tidak terkawal dalam kalangan pelajar sekolah dengan kadar segera.

Menurut Amalina, adalah penting untuk pihak sekolah di seluruh negara mengambil inisiatif untuk memerangi penggunaan


vape melalui kempen kesedaran dan tindakan tegas.

Beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap laporan baru-baru ini yang terdapat pelajar menggunakan vape di tandas sekolah dan bilik darjah yang tidak digunakan.

“Pihak sekolah dan pelajar perlu menyokong usaha Kementerian Pendidikan untuk memerangi penggunaan vape serta menekankan keberkesanan program pendidikan rakan sebaya. Saya juga ingin mencadangkan penggunaan selebriti dan pempengaruh media sosial dalam memperkuatkan untuk menguatkan mesej antivape.

“Adalah penting untuk melibatkan ibu bapa dan penjaga dalam sesi penerangan untuk membentuk sikap dan tingkah laku kanak-kanak atau remaja terhadap vape.

“Mereka yang serius ingin berhenti merokok perlu mendapatkan rawatan di Klinik Berhenti Merokok yang diwujudkan di klinik-klinik kesihatan berdekatan kerana nikotin daripada ubat-ubatan berhenti merokok diluluskan oleh Kementerian Kesihatan (KKM),” ujar beliau. 



TOLAK VAPE

INDUSTRI VAPE CUBA MENGELIRUKAN PENGGUNA DENGAN PELBAGAI HUJAHAN YANG TIDAK TEPAT. JANGAN MUDAH TERPEDAYA DENGAN KATA-KATA MANIS INDUSTRI VAPE.



- Mitos** Vape dan e-rokok dipromosikan oleh pengusaha vape sebagai alternatif yang membantu perokok untuk berhenti merokok.
- Fakta** Padahal pengguna vape hanya bertukar cara untuk mendapatkan nikotin, daripada rokok tembakau kepada vape atau rokok elektronik. Pengguna vape masih ketagih terhadap nikotin dan risiko nikotin terhadap kesihatan masih wujud. Jika perokok hendak berhenti merokok, mereka harus pergi ke klinik berhenti merokok dan mendapatkan nasihat profesional daripada doktor atau ahli farmasi, bukannya daripada pengusaha vape.
- Mitos** Industri vape mengatakan bahawa vape dan rokok elektronik adalah 95% kurang berbahaya berbanding dengan rokok tembakau.
- Fakta** Kebanyakan bahan kimia yang didapati dalam aerosol vape adalah unik dan tidak wujud dalam asap rokok. Oleh itu perbandingan sebegini adalah tidak tepat. Kajian terbaru mendapati 2,000 bahan kimia dalam aerosol vape, antaranya terdapat bahan yang boleh mengakibatkan kanser. Bahaya tetap bahaya.

Wujud kelompokan

BUDAYA vape dalam kalangan pelajar sekolah semakin membimbangkan lebih-lebih lagi ia turut dijual di premis berhampiran sekolah selain tiada sebarang penyekatan penjualan.

Menurut Setiausaha Agung Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), **Muhammad Sha'ani Abdullah**, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 masih melarang sebarang jualan hasil tembakau kepada mereka di bawah umur 18 tahun.

“Pihak Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) sudah menguatkuasakan pelesenan jualan produk tembakau mulai 2023 dan pematuhan ini harus dijalankan oleh semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah kuasa melesen peniaga-peniaga di bawah kawasan pentadbiran.

“Ini harus dikuatkuasakan supaya sebarang pelanggaran jualan hasil tembakau kepada orang bawah umur dapat diambil tindakan dan premis-premis berhampiran sekolah atau institusi pendidikan tidak diluluskan lesen jualan hasil tembakau.

“Tindakan sama harus dilakukan apabila peraturan-peraturan di

bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 dikuatkuasakan,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau yang juga Penyelaras Inisiatif Malaysia Bebas Asap Rokok Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) berkata tiada sebarang kawalan yang komprehensif untuk mengawal penjualan dan pemilikan peranti serta cecair vape menjadikannya satu cabaran untuk menghalang golongan bawah umur daripada mendapat akses barang tersebut.

“Seperti kita ketahui, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan

Awam (Akta 852) 2024 telah pun diwartakan pada awal tahun ini, bagaimanapun dengan ketiadaan peraturan-peraturan yang memperincikan kawalan-kawalan di bawah Akta 852 ia tidak dapat dikuatkuasakan, peraturan-peraturan tersebut kini disemak oleh pihak Jabatan Peguam Negara.

“Keadaan ini memberi kesan buruk kepada kesihatan awam kerana ia membolehkan penjualan produk vape tanpa kawalan berterusan sekali gus

berpotensi meningkatkan akses dan penggunaan di kalangan belia malah oleh kanak-kanak juga,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Muhammad Sha'ani berkata kelewatan dalam penguatkuasaan Akta 852 juga telah mewujudkan kelompokan pengawalseliaan yang membawa kepada peningkatan penjualan dan penggunaan produk vape.

“Namun saya berpendapat selain Akta 852, terdapat saranan untuk pelaksanaan yang lebih komprehensif bagi menangani penggunaan rokok elektronik yang semakin meningkat dan ia termasuk tindakan pematuhan larangan merokok di tempat-tempat awam.

“Objektif larangan merokok di tempat awam adalah untuk melindungi semua daripada terdedah kepada asap rokok khususnya kanak-kanak, ibu mengandung serta warga emas dan menggalakkan perokok mengurangkan kadar merokok supaya dapat berhenti daripada perbuatan tersebut.

“Selain itu, kita juga boleh laksanakan pengesanan umur yang lebih ketat dan tingkatkan larangan merokok kepada 21 tahun; sekatan pemasaran serta hukuman yang lebih jelas supaya undang-undang ini berkesan,” ujarnya.



MUHAMMAD SHA'ANI

Remaja mahu tunjuk hebat

TREND golongan muda menghisap vape atau rokok elektronik semakin membimbangkan apabila perbuatan tersebut turut dilakukan di perkarangan sekolah sekali gus menggambarkan seolah-olah ibu bapa dan guru gagal dalam mendidik mereka.

Seorang ibu kepada pelajar sekolah menengah yang hanya mahu dikenali sebagai Saripah berkata usia remaja adalah zaman yang paling mencabar kerana mereka ini mempunyai sikap ingin mencuba dan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya untuk melakukan apa sahaja sama ada yang baik ataupun buruk.

“Oleh kerana itu, kita sebagai ibu bapa perlu ada ilmu tentang bagaimana hendak mendidik serta membesarkan anak supaya tak berlaku perkara yang tidak diingini.

“Bagi saya sendiri, apa yang saya praktikkan untuk anak-anak adalah dengan mengawal perbelanjaan mereka, ia mungkin kedengaran kejam namun itu adalah yang terbaik kerana mereka tidak akan bazirkan wang yang sedikit itu untuk beli perkara tidak bermanfaat seperti vape atau rokok.

“Selain itu, saya akan pastikan mengenali semua rakan mereka di sekolah untuk mengetahui sama ada ia memberi pengaruh yang baik atau sebaliknya,” katanya yang juga merupakan seorang guru sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Saripah berkata dia kini juga

menyedari trend di mana vape dihasilkan dalam pelbagai bentuk sehingga mampu memanipulasi orang ramai terutamanya kanak-kanak.

“Saya tahu wujudnya vape yang berbentuk seperti pen membuatkan ada pelajar yang berani untuk membawanya ke sekolah, sebagai guru kita ada buat spotcheck secara mengejut tapi mungkin ada kes yang terlepas pandang dan buat mereka yang tertangkap kebiasaannya kita akan hubungi ibu bapa untuk maklumkan berkenaan perkara tersebut.

“Nasihat saya, sebagai ibu bapa perlu cakna dengan perubahan semasa terutama pembuatan vape yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti gula-gula, mainan dan banyak lagi. Anak-anak kecil mungkin tidak dapat membezakannya dan di situ penjaga perlu memainkan peranan supaya tidak berlakunya ketagihan pada usia muda,” pesannya.

Sementara itu, faktor ingin mencuba sesuatu yang baharu menjadi antara penyebab utama

Aidil, 19, menghisap vape seawal usia 17 tahun.

“Saya mula kenal vape melalui rakan sekelas ketika itu, pada mulanya hanya mahu mencuba namun ia menjadi ketagihan sehingga kini.

“Keluarga hanya mengetahui saya menghisap vape apabila sudah tamat persekolahan dan mungkin disebabkan itu tiada sebarang tindakan diambil memandangkan saya dah besar dan boleh buat keputusan sendiri,” jelasnya.

Berkongsi lanjut, Aidil berkata antara faktor lain kawan-kawannya menghisap vape ketika di sekolah adalah untuk menunjukkan bahawa diri mereka lebih hebat dan sudah dewasa.



KANDUNGAN UTAMA

NIKOTIN

Hasil tembakau yang menyebabkan ketagihan, iaitu sejenis gangguan otak kronik. Penggunaan berpanjangan menghasilkan kebergantungan fisiologi serta dorongan yang kuat untuk menggunakannya.

Pendedahan kepada nikotin semasa remaja amat berbahaya kerana zaman remaja adalah peringkat kritikal perkembangan otak lalu menjadi pembuka laluan kepada penyalahgunaan dadah.

Propylene Glycol

Kesan jangka pendek:

Iritasi mata, tekak & saluran pernafasan.

Kesan jangka panjang:

Penyakit asma & iritasi kepada sistem pernafasan.

Apabila dipanaskan, menghasilkan bahan membebaskan formaldehid penyebab kanser.

Glycerin

Menyedut glycerin ke dalam saluran pernafasan boleh memberikan kesan jangka panjang kepada kesihatan. Penggunaan yang berulang dan berpanjangan boleh mengakibatkan kerosakan kepada organ dalaman.

Bahan perisa

Mampu membunuh sel paru-paru, otak dan lapisan kulit. Paras yang mampu membunuh sel-sel ini dikenali sebagai sitotoksiti (cytotoxicity) dan bahan perisa menunjukkan paras sitotoksiti yang tinggi.





PROJEK yang bermula sejak Februari itu adalah selaras dengan silibus PPM yang menerapkan matlamat pembangunan mampan atau Sustainable Development Goals (SDGs).

SUE BONNET DOLLS CIPTA SEJARAH MBOR



SHUAIB AYOB

LEBIH 56,000 penutup botol minuman dimanfaatkan bagi menghasilkan 56,436 Sue Bonnet Dolls sekali gus menyahut seruan mengurangkan pencemaran plastik terhadap alam sekitar.

Menariknya, anak patung yang dihasilkan daripada bahan kitar semula seperti penutup botol dan kain perca itu berjaya mendapat pengiktirafan patung terbanyak dihasilkan dalam program seterusnya diabadikan dalam Malaysia Book of Records (MBOR).

Antara yang terlibat dalam program bersejarah itu adalah Ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) cawangan Selangor yang terdiri daripada ahli Kelip-kelip, Tunas, Remaja, Renjer, Klover. Lensa Wilayahku sempat merakam detik bermakna tersebut.



KENALI PERIBADI RAJA KITA

DIANA AMIR

TANGGAL 20 Julai 2024 seluruh rakyat menyaksikan istiadat pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 bagi menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menamatkan pemerintahan baginda pada 30 Januari 2024.

Justeru, bersempena istiadat tersebut, Jabatan Muzium Malaysia selaku agensi pelaksanaan telah melaksanakan Pameran Raja Kita untuk memberi peluang kepada orang ramai terutamanya pelancong mengenali peribadi Yang di-Pertuan Agong dan juga Raja Permaisuri Agong selain tatacara istiadat.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Jabatan Muzium Malaysia, **Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff**, Pameran Raja Kita merupakan salah satu program yang dimasukkan sebagai salah satu daripada tujuh acara bersempena Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17.

"Sebanyak 272 koleksi dipamerkan di Pameran Raja Kita di dua buah galeri yang dibahagikan kepada segmen Persekutuan dan Negeri.

"Antara koleksi yang dipamerkan di segmen Persekutuan adalah Regalia Persekutuan seperti Cogan Alam dan Cogan Agama, kalung dan gendik koleksi dari Pejabat Penyimpanan Mohor Besar seperti kertas undi yang digunakan oleh baginda-baginda Tuanku semasa pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong setiap lima tahun sekali, dokumen Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 serta manuskrip menerangkan dokumen undang-undang yang telah digunakan dari zaman Kesultanan Melaka seperti Undang-Undang Laut Melaka.

"Manakala koleksi segmen Negeri merujuk kepada sejarah dan kebudayaan Negeri Johor seperti manuskrip Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895, koleksi peribadi yang menunjukkan minat dan hobi baginda seperti kereta Morgan, motor Harley Davidson dan karya

seni Raja Permaisuri," katanya yang ditemui ketika Pameran Raja Kita di Muzium Negara.

Miti berkata antara koleksi *masterpiece* yang dijangka mendapat perhatian adalah Mahkota Kerajaan dan Mahkota Permaisuri yang digunakan semasa upacara kemahkotaan baginda pada tahun 2015 dan Regalia Persekutuan yang merujuk kepada bermulanya sejarah pembinaan negara bangsa menerima demokrasi berparlimen di samping konsep beraja yang sedia ada.

Berkongsi lanjut, Miti berkata pameran yang dianjurkan juga turut menjelaskan peranan dan kedudukan Institusi Yang di-Pertuan Agong dan konsep Raja Berperlembagaan.

"Ia juga bagi memperkukuh semangat cinta akan negara dan taat setia tidak berbelah bahagi kepada negara dan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

"Pameran ini juga memaparkan kepentingan Institusi Yang di-Pertuan Agong dan konsep Raja Berperlembagaan sebagai tonggak keadulatan, perpaduan, keadilan, keharmonian dan pembangunan negara selain mempertahankan kegemilangan dan kedaulatan Institusi Yang di-Pertuan Agong yang diamalkan di negara ini," ujarnya.

Tambahnya, pelaksanaan pameran ini turut mendapat kerjasama dari pelbagai pihak dan agensi seperti Istana Negara, Pejabat SUK Negeri, Muzium Diraja Sultan Abu Bakar, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Universiti Awam dan agensi kerajaan.

Mewakili penganjur utama, Miti berharap semoga pameran ini dapat memberikan manfaat dan menyedarkan semua pihak agar tradisi ini terus terpelihara hingga ke generasi akan datang sebagai lambang kedaulatan negara yang memayungi setiap rakyat Malaysia.

"Saya menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya untuk datang ke Pameran Raja Kita bukan sekadar melihat koleksi tetapi




untuk mengenali dan memahami institusi beraja dan bagaimana cantiknya sistem pentadbiran dan pemerintahan yang ada di Malaysia.

"Kita ada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Ini merupakan peluang baik buat rakyat Malaysia mempelajari apa itu Raja Berperlembagaan," katanya.

Alamat: **Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur**

Waktu: **26 Julai sehingga 29 September 2024 (9 pagi hingga 5 petang)**





Sumber: Jawatankuasa untuk Melindungi Wartawan (CPJ).

Perjuangan tidak terhenti

SABRINA SABRE

PENYEKSAAN dan kezaliman terhadap petugas media sejak hampir 10 bulan lalu merupakan jenayah kejam yang secara jelas menunjukkan Israel terus berusaha untuk menutup jenayah kemanusiaan dahsyat yang dilakukan terhadap rakyat Palestin.

Berdasarkan laporan Pejabat Media Kerajaan Gaza, sehingga kini jumlah wartawan Palestin yang terbunuh dalam serangan Israel di Semenanjung itu mencecah 165 orang sejak 7 Oktober 2023.

Selain itu, angka kematian rakyat Palestin akibat serangan tersebut melebihi 39,000 orang serta lebih 91,000 individu mengalami kecederaan di mana majoritinya adalah wanita dan kanak-kanak.

Rentetan itu, seluruh masyarakat antarabangsa

diseru untuk terus memberikan sokongan dan pertolongan kepada rakyat Palestin dalam mendapatkan hak kembali ke tanah air mereka. Dunia tidak boleh beralih fokus kepada isu lain termasuk dakwaan tindakan ganas pejuang Palestin tanpa melihat kepada faktor utama kekacauan yang tidak pernah diselesaikan.

Terdahulu, ribuan orang ramai menghadiri Himpunan Pembebasan Palestin untuk menyatakan sokongan Malaysia kepada rakyat Palestin yang diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil. Himpunan tersebut antara lain bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada dunia bahawa Malaysia mengutuk pembunuhan Ismail Haniyeh sekali gus menentang kekejaman rejim Zionis yang tidak berkesudahan.

GAZA TERUS BERMANDI DARAH

PEMANTAU Hak Asasi Manusia Euro-Med berkata bahawa tentera Israel sedang melancarkan perang intimidasi dan pemindahan paksa terhadap penduduk Gaza dan utaranya di tengah-tengah gelombang besar perpindahan.

Euro-Med Monitor mengumumkan bahawa ia mendokumentasikan perpindahan puluhan ribu penduduk Gaza dari pelbagai kawasan di bandar itu, dan mereka kini berada di tempat terbuka dengan mengenakan fait accompli (sudah dilakukan) tanpa menyediakan sebarang koridor untuk perpindahan yang selamat.

Organisasi tersebut mendedahkan bahawa operasi pemindahan berlaku berdasarkan arahan pemindahan bercanggah yang dikeluarkan oleh tentera Israel di kawasan besar Gaza, bertepatan dengan kesinambungan kebuluran yang menular dan pembunuhan yang berleluasa.

Dalam pada itu, tentera Israel melancarkan operasi ketenteraan dengan pencerobohan darat ke kawasan barat laut Gaza yang sesak dengan puluhan ribu orang yang berpindah, beberapa jam selepas ia bertanya kepada penduduk At-Tuffah, Ad-Daraj dan Asy-Syuja'iyah di kejiranan Timur Gaza, untuk pergi ke kawasan yang disasarkan.

"Kami bimbang dengan laporan berpuluh-puluh kematian dan kecederaan yang kerap berlaku akibat tentera Israel bertindak ke atas penduduk yang kehilangan tempat tinggal di Gaza tanpa

amaran serta bercanggah dengan arahan pemindahan. Ia berlaku ketika pencerobohan mengejut ke tenggara Gaza dan kemudian ke kawasan kejiranan barat laut bandar, di bawah perlindungan api yang menyasarkan jalan raya," kata Euro-Med.

Organisasi itu mengesahkan bahawa ia memantau beberapa siri serbuan Israel dengan berpuluh-puluh bom dan tembakan peluru meriam bersempena pencerobohan darat yang berterusan ke kawasan besar Gaza, termasuk serbuan, penangkapan orang awam serta pembunuhan.

Israel masih mengamalkan dasar sistematik yang menyasarkan orang awam di Semenanjung Gaza yang dilindungi di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa, di mana-mana sahaja mereka berada, dan menghalang mereka daripada menikmati sebarang keamanan, walaupun sementara, di pusat perpindahan dan perlindungan.

Israel sengaja menampakkan kejahatannya dengan melakukan pembunuhan dan membiarkan kebuluran untuk mengenakan pemindahan paksa ke atas penduduk Gaza, seterusnya memusnahkan semua komponen asas kehidupan termasuk menyasarkan ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pusat perlindungannya.

Tidak terkecuali, mereka melakukan pembunuhan besar-besaran yang setiap satunya merupakan jenayah antarabangsa sepenuhnya.

LENYAPNYA KESELAMATAN

EURO-MED menambah bahawa metodologi pengeboman Israel menunjukkan wujudnya dasar yang jelas bertujuan untuk melenyapkan keselamatan dari seluruh Semenanjung Gaza dan menghilangkan perlindungan atau kestabilan Palestin, walaupun sementara, dengan meneruskan pengeboman di seluruh Semenanjung dan menyasarkan pusat perlindungan di sekolah dan ibu pejabat UNRWA.

Pemantau Hak Asasi Manusia Euro-Med ialah organisasi bebas dan bukan bermatlamatkan keuntungan yang diketuai oleh belia yang memperjuangkan hak asasi manusia di seluruh Eropah dan rantau MENA (Timur Tengah dan Afrika Utara), terutamanya mereka yang hidup di bawah penjajahan atau dalam pergolakan peperangan atau politik termasuk yang dipindahkan kerana penganiayaan atau konflik bersenjata.

Terdahulu, pada April lalu tentera pendudukan Israel telah menyasarkan ribuan rakyat Palestin yang dipindahkan secara paksa ketika cuba pulang ke rumah mereka di Gaza dan utaranya.

PEMINDAHAN PAKSA

JENAYAH serius yang dilakukan oleh tentera Israel ialah jenayah pemindahan paksa. Ia bertujuan untuk memusnahkan kehidupan rakyat Palestin di Semenanjung Gaza, yang termasuk dalam

kerangka jenayah pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan Israel.

Sejak 12 Oktober tahun lalu, iaitu lima hari selepas bermulanya jenayah pembunuhan beramai-ramai yang dilancarkan terhadap penduduk Palestin di Semenanjung Gaza, tentera penjajah Israel telah cuba melaksanakan kempen pemindahan paksa terbesar terhadap kira-kira 1.1 juta penduduk Gaza dan di utara Semenanjung Gaza.

Mereka dipaksa berpindah ke tengah dan selatan Semenanjung Gaza tanpa tempat yang selamat untuk dituju dan tanpa sebarang jaminan untuk membenarkan mereka kembali pada masa hadapan. Tiada juga jaminan keselamatan dijanjikan semasa perpindahan mereka.

Pada 1 Disember, tentera Israel memperluas perintah pemindahan paksa di kawasan besar bandar Khan Yunis di selatan Semenanjung Gaza dan kemudian kawasan di tengah Semenanjung Gaza untuk pemindahan ke bandar Rafah di selatan Gaza.

Penderitaan rakyat yang dipindahkan secara paksa di Semenanjung Gaza mesti ditamatkan. Kepulangan segera mereka ke kawasan kediaman sendiri mesti disegerakan memandangkan krisis kemanusiaan yang sangat dahsyat serta kompleks yang mereka alami. Israel mesti dihalang daripada terus bertindak dengan mengetepikan undang-undang antarabangsa.

PENCEROBOHAN BERTERUSAN

PENCEROBOHAN Israel terhadap Semenanjung Gaza memasuki bulan kesepuluh serangan dan pengeboman yang berterusan.

Pada Selasa lalu (9 Julai), tiga orang dilaporkan mati syahid dan yang lain cedera, akibat pengeboman penjajah Israel di bandar Rafah.

Sumber menunjukkan bahawa helikopter Apache Israel melepaskan tembakan terbaharu ke kawasan barat Rafah.

Enam rakyat turut syahid akibat pesawat tentera Israel menyasarkan sebuah rumah milik keluarga Muhanna di Jalan Al-Jalaa berhampiran persimpangan Al-Ghafri, di utara Kota Gaza, manakala pasukan perubatan berjaya memulihkan bayi yang ditemui masih hidup.

Ambulans dan anggota pertahanan awam dilihat merawat seorang kanak-kanak dan beberapa orang yang cedera dari sebuah rumah yang dibom di Jalan An-Nafaq di Kota Gaza.

Tidak hairanlah masyarakat dunia tanpa mengira agama, kaum dan bangsa mengadakan bantahan secara besar-besaran sama ada melalui perhimpunan dan perarakan mahupun memboikot syarikat atau barangan yang jelas menyumbang kepada ekonomi Israel.

PENULIS Atriza Umar merupakan Pegawai Kanan, Jabatan Pendidikan Masyarakat IKRAM, Duat Al-Falah.



DDNK BANTU DIDIK PELABUR

AINI MAWAWI

SIAPA sahaja yang tidak mengenali nama Datuk Dr Nazri Khan atau lebih dikenali sebagai **DDNK**. Malah slogan 'Tak hensem takpa janji kaya' telah pun menjadi fenomena di negara ini.

Terbaharu beliau dinobatkan sebagai anak Malaysia pertama memenangi Kejuaraan Perdagangan Dunia untuk dua suku tahun berturut-turut sekaligus membuktikan dengan kesungguhan tiada yang mustahil untuk dikecapi.

Berkongsi lanjut dengan Wilayahku, Ketua Pegawai Pelaburan, Berjaya Mutual Berhad ini gigih dalam membantu mendidik orang ramai tentang kepentingan strategi pelaburan yang beretika.

DDNK sentiasa berusaha membantu rakyat Malaysia mencipta lebih banyak kekayaan

untuk menyokong gaya hidup mereka.

"Salah satunya adalah melalui pelaburan melalui Berjaya Mutual. Ia menawarkan kepada rakyat Malaysia, sama ada pelabur atau segmen besar populasi yang kurang mendapat perhatian, potensi untuk memperoleh pulangan pelaburan yang lebih baik secara konsisten," ujarnya.

Dalam masa yang sama, beliau turut menasihati mereka yang ingin menceburi bidang *trading* agar mencari mentor yang bertaulah dan berlesen.

"Kalau kita pergi ke negara Brunei atau Singapura, tidak semua orang diberi peluang untuk mengajar, mereka perlu ada lesen berbeza di Malaysia, sesiapa sahaja boleh isytiharkan diri mereka mentor sedangkan tiada pengalaman. Itu yang kita

risaukan.

"Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita perlu mencari suatu cara untuk memperbaiki ekonomi kehidupan dan salah satunya adalah dengan *trading*."

"Gunakan ia sebagai senjata untuk lawan *scam* di luar sana yang semakin berleluasa. Bayangkan tahun lepas sahaja, 20,000 rakyat di Malaysia menjadi mangsa penipuan dengan kerugian sekitar RM1 bilion.

"Selain itu, di Malaysia kita ada hampir 400,000 orang di bawah umur 40 tahun yang bankrap antaranya disebabkan kad kredit, pinjaman peribadi dan sebagainya," ujar beliau.

Memberi pandangan tentang bagaimana Belanjawan 2025 akan memberi kesan kepada rakyat, DDNK berkata ia perlu menangani beberapa isu penting.

"Antaranya meningkatkan tahap pendapatan rakyat dan memperbaiki aliran tunai mereka untuk mengurangkan kesan kenaikan harga bahan api, kos barangan dan perkhidmatan, meningkatkan kuasa beli individu dan keluarga, meningkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan."

"Sementara itu, untuk perniagaan dan korporat pula, Belanjawan perlulah memberikan insentif kepada perniagaan kecil dan koperasi untuk mengguna pakai proses teknologi dalam operasi mereka bagi mengurangkan kos."

"Selain itu, perlu memberikan lebih banyak alternatif pembiayaan untuk syarikat memperluaskan operasi perniagaan mereka," ujar beliau.

Berkongsi tentang kejayaan beliau memenangi Kejuaraan

Perdagangan Dunia, DDNK berkata ia adalah bukti pengetahuan, kemahiran dan kepakaran beliau sebagai pengurus dana bebas serta kapasiti sebagai Ketua Pegawai Pelaburan Berjaya Mutual.

"Bagi saya sikap dan azam adalah penting untuk memastikan kejayaan sebagai juara perdagangan dunia. Walaupun Malaysia bukan pusat utama dalam pasaran saham dunia dan tidak mendapat perhatian seperti New York, London, Tokyo dan Hong Kong tetapi kita mampu menghasilkan pedagang yang hebat."

"Malaysia boleh menjadi pasaran saham terbaik di dunia dan menghasilkan lebih ramai pedagang hari dan bukan *scalper*. Kita perlu terus belajar, kerana pasaran adalah sangat dinamik," ujar beliau. 



PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.





harga

RM19.90

MENOLEH SEJARAH JALAN TAR



KU SEMAN KU HUSSAIN

LEBIH kurang 40 tahun lalu ketika menyusur perut Kuala Lumpur untuk menghafal jalan dan lorong bagi mudah memilih laluan bas mini, sebuah kedai penyangkut terletak di persimpangan Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman sangat menarik perhatian saya.

Kedai itu menjual berbagai-bagai jenama pen, bagaimanapun ketika itu tidak bercadang membelinya kerana belum menjadi keperluan, lagi pula harga yang paling murah pun sudah sangat besar bagi seorang yang baru bekerja di Kuala Lumpur.

Saya memang peminat pen dan selepas itu beberapa kali juga melewati kedai KSGILLS untuk menjamu mata sambil melihat pen dakwat cair (*fountain pen*) yang unik dan cantik semacam satu kepuasan. Akhirnya tanpa disangka-sangka beberapa tahun kemudian saya membeli sebatang pen di KSGills. Hingga kini sudah ada lebih 10 batang pen dakwat cair yang dibeli di kedai itu, termasuk yang terbaru pada Januari lalu.

Kedai pen KGSGILLS terletak di deretan bangunan berseni bina *art deco* itu didirikan sekitar tahun 1941 di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Kedai pen itu membawa saya mengenali jalan yang sekarang menjadi kawasan yang menjadi sangat sibuk terutama pada setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Menyusuri sejarah awal Kuala Lumpur, nama KSGILLS tercatat sebagai antara perniagaan terawal dan senama Jalan Tuanku Abdul Rahman. Kedai pen itu mulanya diusahakan oleh seorang anak muda Sikh dari Singapura yang datang bersiar-siar di Kuala Lumpur tahun 1941.

Ketika berada di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang ketika itu merupakan kawasan perniagaan yang sibuk, dia tertarik untuk mengusahakan kedai pen sekalipun kawasan di sekitar pekan Kuala Lumpur waktu itu adalah kampung, sawah dan lombong.

Tentulah suatu yang sangat ironi apabila membuka kedai pen di kawasan kampung dan sawah padi, tambahan pula dengan kadar celik huruf yang sangat rendah. Tetapi anak muda Sikh itu meneruskan cita-citanya, barang kali menyasarkan pen jualannya kepada kakitangan British di pejabat pentadbiran penjajah yang tidak jauh dari situ.

Di hujung sebelah selatan Jalan Tuan Abdul Rahman yang sekarang ini ada Bangunan Sultan Abdul Samad, Perpustakaan Kuala Lumpur, Muzium Tekstil dan beberapa bangunan lain itu dulunya adalah pejabat pentadbiran British di Selangor.



JALAN Tuanku Abdul Rahman adalah pusat perniagaan terawal di Kuala Lumpur. - Gambar hiasan.

Berada di Jalan Tuanku Abdul Rahman selalu mengingatkan saya pada kedai pen KGSGILLS yang kekal hingga kini dan menjadi satu-satunya kedai pen terlengkap di Kuala Lumpur. Bukan sahaja menjual pen dan dakwat tetapi juga pusat servis dan memberikan khidmat nasihat mengenai pen.

Jalan Tuanku Abdul Rahman sebenarnya adalah pusat perniagaan terawal di Kuala Lumpur. Di sepanjang kiri dan kanan jalan yang panjangnya lebih kurang tiga kilometer dari hujung sebelah utaraanya Chow Kit hingga hujung selatan di persimpangan Jalan Tun Perak.

Sebagian besar daripada bangunan lot kedai di sepanjang jalan itu menggunakan seni bina yang pelbagai dan membawa pengaruh barat seperti Utilitarian yang popular sekitar tahun 1900 hingga 1910, Neo Classic (1910 hingga 1930) dan Art Deco (1930 hingga 1940).

Bangunan-bangunan itu dimiliki oleh beberapa taikun Cina antaranya Loke Yew dan juga seorang orang kaya Melayu dari Terengganu, Haji Mohahamd Eusop yang memiliki bangunan lot kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan juga di Jalan Melayu.

Hingga kini terdapat beberapa bangunan ikonik yang terus kekal seperti Panggung Coliseum yang dibina tahun 1921 oleh taikun

Chua Cheng Bok serentak dengan Coliseum Cafe di sebelah panggung itu. Coliseum adalah panggung wayang terawal di Kuala Lumpur dan pada 1930 pernah menjadi tempat pementasan bangsawan.

BATU ROAD

TIDAK jauh dari situ terdapat panggung Odeon yang juga menjadi bangunan warisan di Kuala Lumpur. Selebihnya terdapat bangunan yang menempatkan Globe Silk Store dan P Lal Store yang memulakan perniagaan sekitar tahun 1940-an.

Di Jalan Melaka pula ada Masjid India yang dibina pada 1863 oleh masyarakat India Muslim yang menetap di sekitar Kuala Lumpur. Masjid India antara bangunan terawal dan meminjam pengaruh seni bina dari selatan India dengan reka bentuk tingkap dan pintu bermotif Islamik.

Daripada bangunan-bangunan yang didirikan di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman terutama sebelum Perang Dunia Kedua memperlihatkan dominannya pengaruh seni bina Barat yang dibawa ke negara ini oleh penjajah British. Sebahagian besar daripada bangunan berkenaan telah diwartakan sebagai bangunan warisan yang tidak boleh diubah suai struktur luarnya.

Kini Jalan Tuanku Abdul Rahman sangat ikonik sebagai tempat yang

Hari Raya Aidilfitri. Semua barang persiapan hari raya yang berupa langsir dan pakaian boleh didapati di situ dengan syarat sanggup dan tahan bersesak dalam keadaan letih berpuasa.

Dulunya jalan itu dinamakan Batu Road, kemudian ditukarkan menjadi Jalan Tuanku Abdul Rahman mengambil sempena nama Yang di-Pertuan Agong yang pertama. Legasi Batu Road masih boleh dilihat dengan berdirinya Batu Road Supermarket berdekatan Chow Kit. Pada sekitar tahun 1980-an, itulah antara pusat beli-belah popular di Kuala Lumpur.

Kata sesetengah orang dari utara, selatan atau Pantai Timur, pergi ke Kuala Lumpur tidak lengkap kalau tidak menyusur Jalan Tuanku Abdul Rahman. Antara faktornya terdapat banyak kedai tekstil besar dan ternama yang menjadi sebutan kaum wanita.

Antara yang paling popular sejak lebih 50 tahun lalu adalah Globe Silk Store. Banyak juga yang datang ke Kuala Lumpur semata-mata hendak membeli-belah di gedung Globe Silk Store. Pada tahun 1980-an hanya Globe Silk Store yang menonjol, lainnya tidak sebesar gedung yang satu itu.

Kini Jalan Tuanku Abdul Rahman terus menjadi tumpuan terutama bagi peminat-peminat tekstil walaupun sudah banyak pusat beli-belah di pusat bandar Kuala Lumpur, terutamanya Sogo. Membeli-belah di Jalan Tuanku Abdul Rahman memberikan pengalaman yang unik dan menarik.

Kepada saya, Jalan Tuanku Abdul Rahman selalu mengingatkan tentang pen dan disebabkan itu juga saya menulis sejarah ringkas termasuk sebuah kedai pen yang senama dengan jalan yang terkenal itu.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: **03-8861 5260** | E-mail: **editorialwilayahku@gmail.com**

TATACARA BARU DUNIA



ZULKIFLI SULONG

KETIKA Presiden AMANAH yang juga Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mencadangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar memimpin tatacara dunia baharu, ramai yang mengambil sikap sinis dengan cadangan itu.

Bahkan ada yang mentertawakannya, kononnya siapalah Anwar dan Malaysia untuk menyusun tatacara dunia bagi melawan Israel itu.

Ada juga yang beranggapan permintaan Mohamad Sabu kepada PM untuk menggunakan pengaruhnya dalam kalangan pemimpin dunia itu tidak logik bahkan ada yang beranggapan sebagai lucu.

Bahkan yang lebih teruk lagi, Mohamad dianggap cuba mengampu PM Anwar ketika membuat cadangan di Majlis Perhimpunan Pembebasan Palestin itu.

“Wahai Perdana Menteri yang ku kasihi. Namamu begitu harum di seluruh dunia, kamu berupaya membuat satu tatacara baharu di dunia.

“Rapatlah dengan negara-negara Islam yang iktiraf Israel tapi ajak mereka putus hubungan dengan Israel,” kata Mohamad ketika membuat saranan di depan Anwar sendiri.

Menurut Mohamad, Anwar mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian apabila berjaya memulihkan ekonomi Malaysia tidak sampai dua tahun.

“Bantulah negara-negara yang bermusuhan dengan Israel. Sebarang

tindakan dari Israel jangan bimbang kerana Malaysia menerima sokongan daripada rakyat Eropah,” katanya lagi merujuk kepada sokongan pelajar universiti di Eropah dan Amerika kepada Palestin.

Bagi saya, anggapan negatif yang dikemukakan itu berpunca daripada kenaifan mereka sendiri tentang dunia Islam dan tidak mengenali siapa sebenarnya Anwar dan Mohamad Sabu.

Anwar adalah bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Melalui ABIM, Anwar sangat rapat dengan pemimpin dunia Islam yang kini ramai antara mereka memimpin negara masing-masing.

Kelebihan Anwar juga, apabila beliau menjadi timbalan perdana menteri sebelum ini, beliau berjaya merapatkan dirinya dengan pemimpin antarabangsa dari dunia barat dan juga timur.

Mohamad Sabu pula sebelum ini adalah Timbalan Presiden PAS. Sebagai pemimpin kanan PAS, beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kumpulan pejuang Islam di serata dunia.

Hamas, Hisbullah, Ikhwanul Muslimin bahkan para pemimpin Islam di Turki, Pakistan, Indonesia dan lain-lain mempunyai hubungan rapat dengan Mohamad. Beliau sering menyertai perhimpunan antarabangsa dan berjumpa dengan pemimpin Islam dari seluruh dunia.

Mohamad tahu dan kenal benar siapa Anwar dan siapa rakan-rakan Anwar di peringkat antarabangsa. Mohamad mungkin rapat dengan pemimpin gerakan Islam tetapi tidak rapat dengan pemimpin nasionalis dari dunia Islam dan juga barat sebagaimana Anwar.

Ketika seorang aktivis Palestin dari Malaysia, Nadir Al-Nuri meminta bantuan Anwar untuk membawa balik anak dan isterinya yang terperangkap di Gaza, semua



MOHAMAD pada Majlis Perhimpunan Pembebasan Palestin baru-baru ini.

bahkan Nadir sendiri tidak yakin ia akan berjaya.

Tetapi, melalui hubungan baik yang beliau bina dengan Presiden Mesir, Abdel-Fattah Al-Sisi, isteri dan anak-anak kepada Nadir berjaya dibawa pulang dengan selamat.

Ramai mungkin terperanjat bagaimana Anwar boleh rapat dengan Al-Sisi sedangkan Presiden Mesir itu mempunyai sejarah hitam dengan tokoh perjuangan Islam iaitu Presiden Mohamed Morsi yang digulingkan Al-Sisi.

Tetapi itulah kelebihan dan kemampuan serta visi politik Anwar. Beliau berjaya merapatkan diri dengan kerajaan Mesir yang bersempadan dengan Gaza itu.

Tentu ramai juga masih ingat, bagaimana Anwar membasuh Canselor Jerman dalam sidang media bersama mereka sebelum ini.

Ekoran dari itu, Jerman dilihat

mengambil sikap yang lebih lunak dengan mangsa keganasan di Gaza apabila negara itu menghantar bantuan makanan dan ubatan untuk mereka.

Masalah besar di dunia Islam sekarang adalah kegagalan mereka untuk bersatu melawan Israel. Padahal, jika semua pemimpin Islam bersatu dan kalau setiap umat Islam bersatu melawan Israel, ada yang berkata, dengan mudah sahaja, Israel boleh hanyut kerananya.

Tetapi, itu lah yang berlaku kepada dunia Islam sekarang. Mereka tidak bersatu.

Ketika Iran cuba untuk melancarkan roket-roket ke Israel sebelum ini, semua tahu Jordan telah menembak jatuh sebahagian dari roket yang cuba melintas ruang udaranya itu.

Baru-baru ini pula, kumpulan Houthi di Yaman memberikan

amaran kepada Arab Saudi pula.

Ini berikutan sikap yang diambil Arab Saudi untuk menyekat atau menembak jatuh roket-roket yang hendak dilancarkan kumpulan Ansarallah Yaman yang dilabelkan oleh pihak Barat sebagai Houthi itu, ke Israel.

“Orang Amerika sedang cuba memerangkap kamu (Arab Saudi), dan jika kamu mahukannya, maka cubalah. Jika kamu mahu kebaikan untuk diri sendiri dan kestabilan untuk negara dan ekonomi kamu, hentikan konspirasi kamu terhadap negara kami,” kata pemimpin Ansarallah Yaman, Abdul Malik al-Houthi.

Sebagaimana diketahui, Mohamad tidak keseorangan ketika membuat cadangan kepada PM Anwar itu.

Timbalan beliau, Datuk Seri Mujahid Yusof Rawa berharap agar gesaan Mohamad diambil serius oleh rakyat Malaysia dengan terus memberi sokongan kepada kemampuan Perdana Menteri untuk memainkan peranan itu.

“Malaysia boleh bergabung dengan negara-negara lain di dunia dalam isu Palestin sebagai platform memperjuangkan hak asasi manusia khususnya di Gaza dan Rafah demi menghentikan kebinatangan rejim zionis Israel,” katanya dalam satu kenyataan bagi menyokong saranan Mohamad.

Jadi, kita semua perlu memberikan sokongan penuh dan keyakinan kepada PM Anwar untuk melaksanakan projek yang sukar dan penuh cabaran ini.

Dan ingatlah, Allah bertanya kepada kita apa yang kita buat bukan apa kejayaan kita hasil perbuatan itu.

PENULIS adalah wartawan yang memerhati dan menganalisa.

Besi buruk tersadai di PPR



Garis laluan di plaza tol

DIANGGARKAN terdapat 1,634 kenderaan buruk ditinggal tersadai dalam kawasan perumahan awam di seluruh Kuala Lumpur merangkumi 64 kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di seluruh ibu negara.

Perkara ini didedahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, ketika pelancaran Program Kesejahteraan PPR/PA di PA Seri Kota, Bandar Tun Razak, baru-baru ini. Turut hadir Datuk Bandar, Datuk Seri PMgr Sr Karulzaman Mat Salleh.

Menurut Dr Zaliha, kenderaan buruk tersebut hanya boleh dilupuskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa seperti polis. Bagaimanapun 447 kenderaan dikenal pasti untuk

dilupuskan segera.

Kelulusan polis perlu untuk memastikan kenderaan berkenaan benar-benar ‘bersih’, tidak digunakan untuk kegiatan jenayah sebelum sengaja dibiarkan tersadai. Kerana itu proses mengenal pasti penting untuk memastikan bahan bukti tidak dilupus.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, isu kenderaan buruk dibiarkan tersadai bukan perkara baharu di Kuala Lumpur. Sudah kerap dilaporkan mengenai besi buruk ini dibiarkan di kawasan perumahan, tepi jalan, kawasan taman dan rekreasi serta mana-mana kawasan lapang.

Perbuatan tidak bertanggungjawab ini menjadikan kawasan perumahan awam bagai tempat buangan besi buruk. Keadaan ini mencacatkan pemandangan sekitar, membahayakan orang ramai.

BUKAN pemandangan luar biasa apabila keluar daripada plaza tol di lebuh raya berlaku kesesakan. Kenderaan tidak bergerak. Selepas tol kereta berlonggok terhenti menyebabkan yang di belakang turut tersangkut, tidak boleh masuk plaza tol.

Ini kerap berlaku khususnya pada hujung minggu, atau pada hari cuti dan perayaan di mana kenderaan bertali arus memasuki plaza tol. Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri sudah beberapa kali melalui pengalaman ini.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, sebab utama ia berlaku kerana tidak ada garis putih penanda lorong laluan sebaik keluar daripada plaza tol. Kedudukan kenderaan hiruk-pikuk, bergerak menyelit masuk menyebabkan kesesakan teruk. Masing-masing cuba hendak cepat melepaskan diri. Namun

kerana tiada garisan penanda lorong, semua tersangkut.

Garisan lorong hanya mula kelihatan setelah jauh daripada plaza tol. Apabila sampai ke dalam lorong laluan ini barulah pergerakan kenderaan agak terkawal dan bertambah lancar. Garisan lorong ini sangat berguna sebagai panduan kepada pemandu untuk berada di lorong sepatutnya.

Tidak faham kenapa pemegang konsesi tidak menandakan lorong laluan ini daripada tempat keluar plaza tol, sebaliknya membiarkan pemandu teraba-raba bergerak dalam kesesakan.

Sebelum memasuki tol pun ada masalah tiada penanda lorong memasuki tol. Kerana itu kenderaan yang hendak memasuki tol bersimpang-siur tertinjau-tinjau mana laluan yang menuju ke arah sentuhan kad atau laluan pantas.

SEBUAH FILEM ARAHAN DATO' AFDLIN SHAUKI FDM

HARIMAU MALAYA

THE UNTOLD JOURNEY

MEERQUEEN HAZAMA SOPHIA ALBARAKBAH BELL NGASRI AIDIL AZIZ ERRA FAZIRA

SELAMANYA
HARIMAU MALAYA

DI PAWAGAM 15 OGOS 2024





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Pemangku Menteri Luar Negeri Sudan, Hussein Awad Ali Mohamed yang sedang dalam lawatan ke Malaysia untuk menghadiri persidangan 'Sudan: The Forgotten War'.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Peringkat Pusat Bil 1/2024 baru-baru ini.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menghadiri Majlis Penutup 'Vision 2045: The Age of ASEAN'.



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo merasmikan Majlis Anugerah Keselamatan Siber Malaysia dan Makan Malam Gala 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming menghadiri Peluncuran Pelan Induk Ekonomi Kitaran Malaysia Tahun 2025 hingga 2035.



MENTERI Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menerima kunjungan hormat Malaysia Robotics & Automation Society (MyRAS) di Kementerian Perladangan dan Komoditi.

KKM lancar Perang Gula

1:6 HIDAP DIABETES

SABRINA SABRE

KEMENTERIAN Kesihatan (KKM) memandang serius pengambilan gula yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia sekali gus merupakan antara penyebab utama pelbagai penyakit tidak berjangkit (NCD) berkaitan pemakanan terutamanya obesiti dan diabetes.

Menurut Menteri Kesihatan, **Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad**, Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan peningkatan prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia iaitu daripada 50.1 peratus pada tahun 2019 kepada 54.5 peratus.

“Walaupun prevalen diabetes dalam kalangan dewasa Malaysia menunjukkan sedikit penurunan iaitu 15.6 peratus berbanding 18.3 peratus pada tahun 2019, namun Malaysia masih tersenarai antara negara dengan prevalen tertinggi di Asia Tenggara dengan nisbah satu daripada enam rakyat Malaysia menghidap diabetes,” katanya ketika Karnival Kesihatan Malaysia MADANI Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berkata pihaknya telah

mengambil pelbagai pendekatan untuk mengukuhkan lagi langkah bagi membendung masalah ini melalui Perang Terhadap Gula atau ‘War on Sugar’.

“Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030 telah dibangunkan dan dilancarkan pada 29 Jun lepas.

“Pelan ini mengandungi enam strategi utama dengan 38 inisiatif dan 65 aktiviti yang merangkumi polisi, advokasi dan kerjasama *public-private partnership* melalui pendekatan masyarakat dan negara yang menyeluruh,” ujar beliau.

Dalam masa sama, bagi menggalakkan pihak industri makanan dan minuman untuk mereformulasi produk kepada yang lebih sihat, Dzulkefly berkata pihak KKM telah melaksanakan Healthier Choice Logo (HCL) pada tahun 2017 dan pengenalan cukai ke atas minuman manis bergula (SSB) sejak Julai 2019.

“Usaha mengurangkan pengambilan gula ini diteruskan dengan pelaksanaan Kempen 1 Sudu Teh Dah Cukup, Kurang Lebih Baik, Tiada TERBAIK! yang menumpukan kepada penyediaan minuman di

kafeteria, restoran dan kedai makan di seluruh negara,” ujarnya.

Di samping itu, beliau berkata pihaknya juga terus mempergiatkan program-program di komuniti untuk mengurangkan pengambilan gula harian dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Pada tahun lepas, KKM telah menjalankan saringan kepada 64,846 individu di bawah Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSl) melalui KOSPEN WOW di tempat kerja dan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN).

“Selain itu, KKM telah menubuhkan 33 Wellness Hub di seluruh negara bagi meningkatkan kesejahteraan kesihatan kepada komuniti secara bersasar dalam pembudayaan hidup sihat termasuk mengurangkan pengambilan gula, dengan jumlah sebanyak 765,843 klien telah mendapatkan perkhidmatan tersebut pada tahun 2020 hingga 2023,” ujarnya.

Dzulkefly berkata usaha ini turut diperkukuhkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang turut melancarkan Kempen Kurang Gula, Kurang Harga. 



DZULKEFLY (tengah) ketika merasmikan Karnival Kesihatan Malaysia MADANI Putrajaya 2024.

Degil bawa padah

SERAMAI 11 penunggang motosikal dikenakan kompaun atas kesalahan menggunakan kenderaan itu di laluan sisiran tasik Putrajaya dalam satu Operasi Bersepadu Pemandu Warga Asing (PeWA) yang dijalankan oleh pihak Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPJ) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sekitar pusat pentadbiran negara.

Menurut Naib Presiden (Perkhidmatan Korporat) PPJ, **Shamshul Joehari Zainal Mokhtar**, operasi dilaksanakan susulan laluan tersebut sering kali disalah guna penunggang motosikal tanpa menghiraukan keselamatan pengguna lain termasuk pejalan kaki dan penunggang basikal.

“Isu ini telah pun berlanjutan banyak kali dan kita juga telah melakukan advokasi kepada mereka untuk tidak menggunakan laluan sisiran tasik untuk dijadikan laluan motosikal.

“Kompaun telah dikeluarkan mengikut Seksyen 3(1)(m) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-Undang Kecil Laku Musnah (Wilayah Persekutuan Putrajaya 2003),” katanya dalam sidang media Op PeWA baru-baru ini.

Shamshul berkata pihak JPJ turut melaksanakan operasi bersama PPJ dengan mengambil tindakan ke atas penunggang terutama warga asing yang tidak mempunyai lesen, cukai jalan, insurans kenderaan dan mempunyai nombor pendaftaran palsu.



TINDAKAN sita dan kompaun telah dikenakan dalam Op PeWA.

“Motosikal yang disita dibawa ke lokasi siar kaki hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya bagi proses dokumentasi dan dihantar ke Depoh Simpanan Kenderaan JPJ di Semenyih.

“Orang ramai dinasihatkan untuk tidak menggunakan kenderaan bermotor di laluan sisiran tasik dan hanya kenderaan penyelenggaraan yang mempunyai pelekat sahaja dibenarkan mengikut masa yang

telah ditetapkan.

“Kita berharap penunggang motosikal di Putrajaya memberi kerjasama baik kepada PPJ, JPJ dan mana-mana penguat kuasa yang mengawal selia,” ujarnya.

Untuk rekod, PPJ telah melaksanakan tindakan kompaun ke atas 39 penunggang motosikal pada tahun lalu manakala sebanyak 23 kompaun telah dikeluarkan dari awal tahun sehingga bulan lalu. 

Obesiti kalangan penjawat awam

AKTIVITI sihat perlu dirancakkan dalam perkhidmatan awam sama ada di peringkat agensi, kementerian mahupun perseorangan memandangkan kebanyakan penjawat awam menghadapi masalah obesiti.

Ketua Setiausaha Negara, **Tan Sri Mohd Zuki Ali** berkata aktiviti itu perlu kerana masalah obesiti dalam kalangan rakyat melebihi 50 peratus dan kebanyakannya melibatkan penjawat awam di Putrajaya.

“Jadi, penting untuk mereka ini terbabit dalam aktiviti sihat termasuk program larian sebagai permulaan menggalakkan mereka hidup sihat,” katanya selepas Program Hari Bebas Kenderaan (CFD) Putrajaya dan Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) XIX 2024 yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof pada Sabtu.

Sementara itu, Program CFD kembali dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPJ) pada minggu keempat setiap bulan selepas kali terakhir penganjuran pada 2019.

Menurut Presiden PPJ, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program itu dilaksanakan bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk menjalankan pelbagai aktiviti riadah sihat seperti berjalan kaki dan menaiki basikal.

“Sepanjang tempoh CFD

berlangsung, penutupan penuh akan dibuat di Dataran Putrajaya iaitu bermula dari persimpangan Menara Prisma ke persimpangan Menara Tulus.

“Penutupan jalan ini dibuat kepada kenderaan bermotor bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk berjalan kaki, berbasikal mahupun pelbagai aktiviti sihat,” ujarnya.

Dalam masa sama, Fadlun memaklumkan program yang bakal dianjurkan pada setiap bulan oleh pihaknya itu turut membuka peluang kepada agensi luar untuk bekerjasama dari segi pengisian program, di mana pada Sabtu lalu, CFD turut dimeriahkan dengan Program Larian MAPPA XIX 2024 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Antara aktiviti sampingan yang diadakan bagi penganjuran kali ini adalah *walkathon*, *street soccer*, *Jualan Rahmah* dan pemeriksaan kesihatan.

“Gerai-gerai yang menawarkan jualan buah-buahan dari FAMA dan makanan serta minuman juga turut memeriahkan suasana,” ujarnya.

Beliau berkata CFD dijangka menarik pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk datang menikmati hari tanpa kenderaan di pusat pentadbiran negara. 

Kekalkan pingat gangsa di Paris 2024

WOOI YIK BAKAL DAPAT HABUAN

SABRINA SABRE

WILAYAH Persekutuan bakal mengiktiraf pencapaian jaguh beregu badminton lelaki negara, Soh Wooi Yik yang memenangi pingat gangsa dalam acara berpasangan lelaki pada Sukan Olimpik Paris 2024 baru-baru ini dengan menyerahkan insentif habuan wang tunai.

Tampil buat kali kedua pada Sukan Olimpik Paris 2024, gandingan Aaron Chia-Wooi Yik itu dilihat tidak gentar apabila berjaya menundukkan beregu Denmark, Anders Skaarup Rasmussen dan Kim Astrup bagi membolehkan pasangan itu merangkul pingat gangsa yang juga pingat sulung negara pada temasya itu.

Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh** berkata bakat Wooi Yik dalam sukan badminton bermula sejak di bangku persekolahan lagi dan atlet Wilayah Persekutuan itu berjaya menempa nama di peringkat tempatan dan juga antarabangsa sehinggalah mencapai kejayaan mempertahankan pingat gangsa di temasya Olimpik Paris pada 4 Ogos lalu.

"Sudah pasti penyampaian insentif akan diadakan secara sederhana namun penuh bermakna untuk kita bersama-



AARON-WOOI YIK berjaya mempertahankan pingat gangsa yang juga pingat pertama Malaysia di Olimpik Paris 2024.

sama meraikan dan mengiktiraf usaha gigih Wooi Yik yang bergandingan dengan Aaron Chia dalam acara berpasangan lelaki bagi menghadaikan pingat gangsa buat kontinjen negara pada Sukan Olimpik Paris 2024.

"Bakat atlet yang kini berumur 26 tahun itu digilap sejak di

bangku sekolah lagi di Wilayah Persekutuan sehinggalah seluruh dunia menyaksikan kejayaannya yang memenangi pingat gangsa pada temasya Olimpik baru-baru ini," ujar beliau.

Untuk rekod, Wooi Yik pernah mewakili Wilayah Persekutuan sebanyak tiga kali iaitu pada

Sukan Malaysia (SUKMA) 2014 di Perlis, SUKMA 2016 di Sarawak menyaksikan atlet kelahiran Kuala Lumpur itu memenangi satu pingat gangsa acara beregu lelaki dan memenangi dua perak acara beregu lelaki dan campuran pada SUKMA 2018 di Ipoh.

Aaron-Wooi Yik memenangi

pingat gangsa pada penampilan pertama mereka di pentas Olimpik Tokyo tiga tahun lalu selepas menewaskan gandingan berpengalaman Indonesia, Mohamad Ahsan-Hendra Setiawan 17-21, 21-17, 21-14.

Terdahulu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) turut menyediakan insentif di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) dengan pemenang emas Sukan Olimpik akan menerima RM1 juta, perak (RM300,000) dan gangsa (RM100,000).

Atlet turut menerima Skim Imbuhan Tetap Olimpik yang diberikan secara bulanan sepanjang hayat dengan pemenang emas diberikan RM5,000, perak RM3,000 dan gangsa bernilai RM2,000.

Selain wang tunai, atlet yang memenangi emas turut dianugerahkan pangsapuri mewah di Setia Alam bernilai RM1 juta yang disumbangkan Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Top Glove serta pemilik Top Residency, Tan Sri Dr Lim Wee Chai.

Pengeluar kereta dari China, Chery Malaysia turut tampil dengan hadiah kenderaan utiliti sukan (SUV) kepada atlet yang memenangi sebarang pingat di Sukan Olimpik. 

MSWP sedia RM6 juta untuk SUKMA

MISI kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) memburu 70 pingat emas selain muncul sebagai juara keseluruhan pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 bermula di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Menurut Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh**, pihaknya menyediakan peruntukan mencecah RM6 juta sebagai persiapan menghadapi SUKMA di Bumi Kenyalang kali ini.

"Peruntukan itu merangkumi pembelian peralatan, pelantikan jurulatih sepenuh masa kepada pasukan-pasukan sukan serta keperluan logistik semasa berada di Sarawak yang melibatkan sembilan bahagian iaitu di Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sibul, Mukah, Bintulu dan Miri.

"Peruntukan kewangan itu merupakan langkah proaktif MSWP bagi meningkatkan prestasi para atlet Wilayah Persekutuan supaya lebih fokus dalam menjalani latihan.

"Atlet-atlet WiPers telah

memulakan latihan secara terancang sejak Oktober tahun lepas bagi menghadapi temasya sukan dwitahunan itu. Saya pasti mereka sudah bersedia untuk memburu pingat di SUKMA kali ini," katanya ketika ditemui Wilayahku pada Isnin.

Nik Ahmad Zahiruddin menaruh keyakinan kontinjen WiPers mampu mencapai sasaran 70 pingat emas berdasarkan prestasi semasa atlet dan prestasi SUKMA Ke-20 apabila mereka menduduki tempat ketiga keseluruhan.

"Saya juga mahu setiap atlet mengekalkan disiplin tinggi dalam membawa cabaran Wilayah Persekutuan di SUKMA edisi kali ini. Disiplin merupakan elemen paling penting bagi mengekalkan prestasi tinggi ketika bertanding dalam apa sahaja jenis sukan. Sehebat manapun seorang atlet itu, jika tidak berdisiplin, keupayaannya itu tidak akan ke mana.

"Saya menaruh sepenuh kepercayaan dengan kemampuan

atlet-atlet kita. Kita harap prestasi mereka di Sarawak ini dapat memberikan pulangan dan keputusan cemerlang selain menjadi penanda aras bagi semua acara sukan di negeri ini.

"Kepercayaan penuh diberi kepada jurulatih dan dengan keupayaan mereka, saya harap ada sesuatu yang positif dan sinar untuk kontinjen WiPers bagi edisi kali ini. Insya-Allah dengan perancangan yang rapi, usaha keras dan semangat sepasukan yang tinggi, saya yakin kejayaan itu pasti akan tiba," ujarinya.

Sementara itu, beliau berkata pasukan kesihatan kontinjen WiPers meliputi tiga doktor sukan dan 30 anggota kesihatan lain termasuk ahli fisioterapi dan tukang urut di mana dua doktor akan ditempatkan di Kuching dan seorang di Miri.

Sebagai rekod, WiPers merangkumi atlet dari Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan merupakan antara kontinjen terbesar pada temasya kali ini dengan membawa seramai 711 atlet terdiri daripada 387 atlet lelaki dan 324 atlet wanita yang akan bersaing dalam kesemua 37 jenis sukan dipertandingkan. 

Mentaliti emas

SEMANGAT luar biasa dan aksi mengagumkan Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang berjaya mengekalkan pingat gangsa di Sukan Olimpik Paris 2024 mendapat pujian bekas legenda negara.

Bekas pemain beregu lelaki negara, Koo Kien Keat berkata bukan mudah bagi pemain untuk mengekalkan semangat tinggi setelah tewas di peringkat separuh akhir sehari sebelumnya.

"Saya sangat menghormati mereka, bukan mudah untuk mengekalkan semangat dalam perlawanan penentuan pingat gangsa. Mereka menanam mentaliti seperti bermain untuk pingat emas," ujar beliau.

Aaron-Wooi Yik yang ketinggalan 16-20 pada set kedua ketika menentang Kim Astrup-Anders Skaarup Rasmussen dari Denmark berjaya mengejar empat mata untuk mengheret perlawanan ke set penentuan sebelum memenangi aksi penentuan gangsa 16-21, 22-20, 21-19 di Porte de La Chapelle Arena.

Pada edisi Tokyo 2020, Aaron-Wooi Yik berjaya menewaskan bekas juara dunia dari Indonesia, Mohamad Ahsan-Hendra Setiawan untuk membawa pulang pingat gangsa.

Dalam pada itu, legenda skuasy negara, Datuk Nicol Ann David dalam hantaran di Facebook berkata

Aaron-Wooi Yik memberikan persembahan kental dan luar biasa untuk mencipta sejarah sukan Malaysia.

"Kegigihan dan pengalaman yang ditunjukkan untuk bangkit daripada ketinggalan 20-16 pada set kedua, mereka mempunyai semangat kental dengan bertarung sehingga ke penghujungnya," ujar Nicol yang juga Timbalan Chef de Mission pasukan Olimpik Malaysia.

Beliau berkata keyakinan dan pengalaman yang ada pada pasangan itu terbukti menjadi faktor penting dalam perlawanan.

Dalam masa sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada pemain badminton perseorangan lelaki negara, Lee Zii Jia kerana berjaya meraih pingat gangsa pada Sukan Olimpik Paris 2024 malam Isnin.

"Tahniah Lee Zii Jia! Satu lagi persembahan memukau yang menghadirkan pingat gangsa kedua untuk negara!" katanya menerusi ciapan di platform X.

Pemain ranking ketujuh dunia itu meraih pingat gangsa menerusi aksi cemerlang menentang Lakshya Sen dari India, dengan bangkit daripada ketinggalan satu set dengan kemenangan 13-21, 21-16, 21-11 pada aksi penentuan pingat gangsa di Porte de La Chapelle Arena, Paris. 

Cabaran Aidil bina badan

BAGI pelakon popular **Aidil Aziz**, bukan mudah untuk dirinya membawa watak sebagai Taufik yang merupakan kapten pasukan Harimau Malaya.

"Taufik ini seorang yang sangat berdisiplin, tegas dan bertanggungjawab terhadap pasukannya sama ada di padang atau luar padang. Matlamat Taufik hanya satu iaitu mahu membawa Malaysia layak ke Piala AFC.

"Namun disebabkan dia mengalami kecederaan, dia banyak meminta rakan sepasukan terus fokus agar dapat layak ke Piala AFC," katanya.

Kongsi Aidil, dia juga mempunyai

pantang tersendiri dalam menjayakan watak Taufik.

"Bercakap pasal watak Taufik, sudah tentu ada cabarannya. Antaranya sebelum ini badan saya bersaiz M, saya terpaksa 'besarkan' badan ke saiz L supaya nampak lebih *fit* dan dapat potongan seperti pemain bola.

"Jadi, saya kenalah menggandakan senaman, jaga pemakanan, supaya watak Taufik sebagai Kapten Harimau Malaya akan menyerlah. Secara fizikalnya kita *fit*, dalam masa yang sama dapat bantu mental untuk fokus kepada lakonan. Kalau fizikal tak *fit* untuk perform, lakonan pasti akan

terganggu.

"Alhamdulillah, segala usaha keras untuk kekalkan *fit*, gandakan senaman kardio, sangat membantu dan membolehkan saya melepasi cabaran sepanjang *shooting*," ujarnya.

Tambahnya mereka seharian bermain bola, berpanas, berhujan dan bersengkek mata kerana penggambaran biasanya bermula pada pukul 7 malam hingga ke 6 pagi.

"Walaupun penat namun sangat seronok. Semua ini adalah demi menjayakan babak-babak yang ada dalam filem Harimau Malaya," ujarnya.



LIKU-LIKU PENGORBANAN HARIMAU MALAYA

BUAH tangan terbaharu daripada pengaruh terkenal tanah air, Datuk Afdlin Shauki iaitu filem berjudul Harimau Malaya: The Untold Journey bakal ditayangkan pada 15 Ogos ini. Filem terbitan 4wards Pictures Sdn

Bhd itu mengambil inspirasi daripada kisah perjuangan skuad Harimau Malaya selepas Tan Cheng Hoe meletakkan jawatannya selaku pengendali pada Januari 2022 dan permulaan era Kim Pan Gon di peringkat kelayakan sehingga menempah tiket ke Piala

Asia 2022 secara merit selepas penantian 42 tahun.

Untuk itu Wilayahku sempat berkongsi pengalaman manis pelakon yang membarisi filem tersebut antaranya Meerqueen, Aidil Aziz dan Sophia Albarakbah.

Memori manis

JIKA sebelum ini, peminat menonton lakonan **Meerqueen**, 23, dalam naskhah cinta yang menyerlahkan sisi romantisnya, namun kali ini agak berbeza dalam filem Harimau Malaya.

Pemilik nama lengkap Muhammad Shameer Shauqueen Shaiful Izam itu mengaku tidak berfikir panjang apabila ditawarkan watak sebagai Rashdan iaitu seorang pemain bola profesional.

Apa yang menarik, Meerqueen akui teruja dapat berlakon bersama pemain bola sepak kebangsaan, Faisal Halim.

"Faisal seorang yang mesra, kelakar. Orangnyapun sangat merendah diri walaupun dia sebenarnya hebat. Siapa tak kenal pemain bola tempatan yang memberi inspirasi kepada ramai orang," ujarnya.

Tambahnya untuk filem tersebut, dia tidak kisah bermandi peluh di bawah cahaya matahari.

"Saya tak risau kulit terbakar kerana mahukan yang terbaik. Kulit muka mengelupas. Biarlah ada yang kata tak takut ke wajah berbirat, bagi saya kepuasan serta hasil pengorbanan berpanas hujan ini berbaloi.

"Selain itu, saya juga turut berdepan kecederaan pada bahagian buku lali pada hari terakhir penggambaran namun ia tidak mematahkan semangat kerana sudah lama saya menanti karakter berkait sukan yang diminati.

"Jujujnya, selain cedera saya juga berperang mulut dengan seorang pelakon lain. Kami semua penat. Mana tidaknya, kami jalani penggambaran di padang itu selama lebih seminggu.

"Harimau Malaya mengumpulkan 22 lelaki dan semuanya ada ego masing-masing, ditambah berulang kali melakukan adegan sama dalam cuaca terik, tentu cepat naik darah namun ini semua pengalaman manis. Isu tersebut pun selesai pada hari sama," katanya.

Dia turut mengakui terlalu banyak pengalaman manis sepanjang penggambaran filem di bawah arahan Datuk Afdlin Shauki yang amat dikaguminya.

Watak Karina berbeza

PELAKON **Sophia Albarakbah**, 30, yang membawa watak sebagai Karina mengakui dia tidak tahu tentang bola sebelum ini, namun ada sebab tersendiri kenapa dia menerima tawaran berlakon filem Harimau Malaya: The Untold Journey.

"Selain tidak mahu melepaskan peluang berlakon bawah arahan Datuk Afdlin Shauki, saya juga bawa watak yang lain daripada lain. Karina seorang artis yang juga teman wanita kepada salah seorang pemain bola.

"Karina ini seorang yang *energetic*, ekstrovert dan gedik-gedik sedikit. Dia jenis yang selalu buat *content*. Sangat berbeza dengan saya. Saya sebaliknya jenis introvert dan tak *outgoing* sangat. Tapi memang seronok sebab dapat mainkan watak yang lain daripada diri sebenar saya," ujarnya.

Menyentuh tentang impiannya sejak sekian lama yang mahu berlakon di bawah Afdlin Shauki, Sophia mengakui sanggup belajar tentang bola semata-mata untuk filem tersebut.

"Sejujurnya saya tak tahu apa-apa pasal bola. Apabila bercakap pasal sukan, saya *more to equestrian* iaitu sukan berkuda. Tapi sebab dah bawa watak ini, saya memang buat *homework* pasal bola sepak.

"Saya ambil watak ini sebab barisan pelakon dan pengarah. Jadi saya pun rasa rugi jika lepaskan peluang ini. Kedua sebab Harimau Malaya. Bukan hari-hari dapat rezeki berlakon cerita begini," tambahanya.





**Mentaliti
bermain
untuk emas**
▶▶ 22

**Harimau Mälaya:
The Untold Journey**
▶▶ 23

Stres mampu mendorong seseorang hilang pedoman

RAPUH IMAN HATI SEMPIT

SYED HAZIQUE

KEMURUNGAN adalah gangguan perasaan yang menyebabkan seseorang itu merasa sedih berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga, cepat marah serta hilang minat dalam aktiviti harian.

Penyakit mental boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pertama ialah neurosis, lazimnya mengalami perubahan dan gangguan di dalam pemikiran, perasaan dan kelakuan tanpa menjejaskan kewarasan akal, contohnya ialah kemurungan dan ketidakimbangan.



SHAHRIIN

Kedua ialah psikosis, lazimnya mengalami perubahan yang amat ketara di dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku serta kewarasan juga terjejas.

Pesakit akan berasa keliru dengan mengalami suara-suara ghaib berkomunikasi atau dikenali halusinasi. Pesakit juga mempunyai kepercayaan pelik yang tidak dikongsi dan menyebabkan reaksi melampau atau dikenali delusi.

Ketiga ialah kecelaruan personaliti, lazimnya kecelaruan ini menyebabkan seseorang mengalami kecacatan perwatakan. Masalah yang dialami ini boleh memberi kesan kepada perhubungan interpersonal dengan orang di sekeliling.

Pendakwah bebas, **Shahrin Abd Rahman** berkata dalam konteks Islam, punca berlaku tekanan bukan hanya daripada tekanan

mental semata-mata, bahkan boleh berlaku disebabkan kecelaruan dan kelemahan hati.

Menurut Shahrin, kelemahan hati yang menyebabkan rapuhnya hubungan manusia dengan Allah SWT menjadikan kehidupannya menjadi sempit, sukar dan seolah-olah tiada jalan keluar dari setiap masalah hidup.

“Terkadang dengan sebab tekanan hidup yang melampau dan stres menyebabkan seseorang hilang punca dalam melayari kehidupan. Mereka merasakan dengan jalan pintas membunuh diri akan menjadi penyelesaian dalam menempuh kemelut kehidupan.

“Sedangkan di sana bala dan dosa yang besar menanti, kerana para ulama bersepakat menyebut bahawa membunuh diri hukunya haram.

“Dalam Islam bukan membunuh diri sahaja haram tetapi bercita-cita untuk mati kerana bala yang dihadapi juga tidak dibenarkan,” katanya kepada Wilayahku.

Shahrin menegaskan kaedah rawatan untuk masalah kemurungan sebenarnya adalah banyak dan memberi kesan yang sangat efektif.

“Paling penting ialah solat fardu dan solat-solat sunat adalah kaedah rawatan Islam yang turut berkesan untuk mengurangkan kemurungan.

“Bagi setiap individu Islam, solat fardu lima waktu sehari semalam



ALLAH SWT tidak akan membebankan seseorang dengan sesuatu yang tidak mampu ditanggung. - Gambar hiasan

itu wajib ditunai. Ia sebenarnya sudah menjadi penawar kepada keresahan atau kemurungan yang dialami setiap hari. Satu kajian yang melibatkan 30 orang lelaki Islam mendapati aktiviti solat boleh menggalakkan kesantiaian, mengurangkan keresahan dan mengurangkan risiko terhadap penyakit kardiovaskular.

“Kedua ialah dengan membaca Al-Quran sebagai salah satu terapi yang baik untuk mengurangkan kemurungan atau depresi yang dialami.

“Firman Allah SWT: “Dan Kami

turunkan dari Al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.” (Al-Isra: 82).

“Al-Quran merupakan kurniaan istimewa Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya sebagai pedoman hidup yang lengkap bagi menjamin keselamatan, kebahagiaan dan kesejahteraan. Sesungguhnya terkandung di dalamnya penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

“Terdapat kajian umum mengenai

kesan positif bacaan Al-Quran terhadap kesihatan mental. Sebagai contoh, satu kajian sistematik mendapati bahawa mendengar, membaca atau menghafaz Al-Quran dapat mengurangkan tekanan, kemurungan dan kegelisahan serta meningkatkan kualiti hidup umat Islam. Jiwanya merasa bahagia dan tenang setelah mendengar lantunan ayat-ayat suci Al-Quran,” katanya.

Malah Shahrin menyatakan kaedah rawatan Islam yang seterusnya adalah mengingatkan pesakit kepada Allah, percaya kepada Allah dan memohon keampunan kepada-Nya atas semua kesilapan lalu (bertaubat).

“Kaedah ini didapati berkesan untuk mengurangkan keresahan dan kemurungan yang dialami oleh pesakit. Sebagai manusia, kita tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan kesilapan sama ada kecil mahupun besar. Yang penting menjadi kewajipan kepada setiap kita untuk sentiasa bertaubat memohon ampun daripada Allah yang Maha Pengampun,” ujarnya.

Shahrin berkata segala permasalahan yang dihadapi perlu diselesaikan dengan pendekatan yang berlandaskan syarak.

“Yakinlah bahawa setiap masalah yang timbul, pasti ada solusinya dan Allah SWT sentiasa membantu.

“Allah SWT tidak akan membebankan seseorang dengan sesuatu yang tidak mampu ditanggung kerana kasih terhadap setiap hamba-Nya,” katanya.



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

